

Jajaran rel pacu ekonomi utara negeri **2**

RM5 juta bersih saluran tanpa tuan **4**

Sedia 1,287 rumah Skim Smart Sewa **7**

Imbau kenangan kuliah di Stadium Shah Alam **8**

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 11 - 17 JULAI 2024

www.selangorkini.my

Permudah salur bantuan sara hidup

Isi rumah bawah RM5,000 sebulan layak mohon Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) berbanding syarat RM3,000 sebelum ini. Penerima dapat RM300 sebulan selama 24 bulan melalui dana RM108 juta

MUKA 5

Jejambat Bandar Saujana Putra surai kesesakan

Dibuka pada 7 Julai, kemudahan bernilai RM70 juta yang hubungkan Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (Elite) dan Lebuhraya Klang Selatan (SKVE) itu melegakan lebih 65,000 penduduk

MUKA 2



Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menyempurnakan penyampaian anugerah Tokoh Maal Hijrah kepada Dato' Dr Abdul Majid Omar (kanan) sempena sambutan Maal Hijrah peringkat negeri di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 6 Julai 2024. Hadir sama, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari. Foto REMY ARIFIN ► BERITA MUKA 20

pancawarna

Mengejar 16 sasaran negeri pintar, makmur



Rancangan lima tahun pada landasan tepat, anjak negeri lebih maju

9-11

Cukai naik, khidmat ditambah baik



Hartanah kos rendah dan rumah kampung masih dikecuali taksiran

15

La Roja kuasai kejohanan Eropah



Pemain Sepanyol umur 16 tahun cipta sejarah, cetak gol mara ke akhir

14

Ruang rakyat faham matlamat RS-1

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menganjurkan Hari Terbuka Rancangan Selangor Pertama (RS-1) di lobi Dewan Annex untuk memberi ruang pada rakyat memahami pelan pembangunan itu dengan jelas.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pameran dibuka jam 9 pagi hingga 4.30 petang sehingga 18 Julai.

Menurut beliau, program itu juga bertujuan mendekatkan hubungan rakyat bersama kerajaan melalui Ahli Dewan Negeri (ADN) dan pegawai daerah.

"Melalui pameran ini, rakyat dapat memahami hasrat negeri dengan jelas mengenai matlamat RS-1 yang ingin dicapai pada 'dashboard' yang disediakan.

"Saya minta semua pihak yang terlibat untuk pameran ini mengekalkan 'dashboard' yang diletakkan lobi Annex sepanjang sesi Dewan Undangan Negeri (DUN) berlangsung," katanya pada 4 Julai.

Ambil iktibar kisah hijrah Rasulullah

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengajak seluruh umat Islam di Selangor untuk berubah ke arah lebih baik dalam pelbagai aspek kehidupan.

Sepena sambutan Maal Hijrah 1446 pada 7 Julai, beliau mengingatkan kisah penghijrahan Rasulullah SAW antara detik bersejarah penting yang perlu menjadi iktibar segenap umat Islam.

"Pengorbanan Nabi Muhammad SAW meninggalkan keluarga dan tempat kelahiran di Makkah bagi memulakan perjalanan hijrah ke Madinah iktibar besar membawa seribu makna.

"Semoga peristiwa Hijrah ini menjadi pemangkin buat perubahan kita ke arah yang lebih baik, Insha-Allah," katanya di Facebook.

Awal Muharram atau Maal Hijrah adalah peristiwa sejarah Islam yang disambut bagi memperingati penghijrahan Nabi Muhammad SAW dari kota Makkah ke Madinah pada 622 Masihi.

Jajaran rel pacu ekonomi utara negeri

SHAH ALAM - Penambahan jajaran kereta api yang menghubungkan Klang dengan kawasan utara negeri bakal memacu pertumbuhan ekonomi pada masa depan.

EXCO mobiliti berkata projek berdampak tinggi yang terkandung dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) itu turut menjana ekonomi setempat kerana menawarkan lebih banyak peluang



kerja termasuk berkemahiran tinggi.

"Jajaran Rel Selangor ini akan membangunkan kawasan seperti Kapar, Jeram, Kuala Selangor, Sekinchan dan Sabak Bernam sekali gus menyeimbangkan pembangunan bandar dan luar bandar.

"Sudah tentu pada masa depan projek ini akan membuka perbandaran baharu selain mencipta peluang kerja," kata

Ng Sze Han pada 8 Julai.

Pada 4 Julai, Dato' Menteri Besar ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal RS-1 di sidang Dewan Negeri Selangor berkata Jajaran Rel Selangor berupaya membangunkan potensi ekonomi pekan kecil di utara negeri.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha yang melengkapkan Projek Laluan Rel Pantai Timur bagi menghubungkan Selangor dengan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Jejambat baharu manfaat 65,000 penduduk

Surai kesesakan di Saujana Putra

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

KUALA LANGAT - Pembukaan jejambat Bandar Saujana Putra bernilai RM70 juta sepanjang 820 meter mengurangkan kesesakan pada waktu puncak, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Katanya, kemudahan itu yang menghubungkan Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (Elite) dan Lebuhraya Klang Selatan (SKVE) mengatasi masalah kira-kira lebih 65,000 penduduk sejak sekian lama.

Beliau juga menambah kesesakan

kerap berlaku pada waktu pagi dan petang ketika orang ramai bergegas pergi atau pulang tempat kerja khususnya sekitar Rimbayu yang ada ribuan perumahan.

"Pengguna perlu lalui simpang kecil di lokasi sekitar. Jejambat ini akan memancar ke SKVE, Elite, Rimbayu dan Bandar Saujana Putra untuk menyurai kesesakan," katanya pada 7 Julai.

Amirudin membuat pelepasan simbolik perasmian jejambat yang dibuka jam 12.01 tengah malam dan mengedarkan cenderamata Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) kepada pengguna.

Beliau memberitahu pembukaan

jejambat itu tertangguh akibat pandemik dan proses kelulusan pihak berwajib selain urusan bersama dua konsensi iaitu Lebuhraya Utara Selatan dan SKVE.

"Ikut rancangan awal dibuka Mei lalu tetapi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri memutuskan ia dibuka pada 7 Julai setelah memuktamad dengan pihak yang buat penyelenggaraan," katanya.

Hadir sama, EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim, Speaker Dewan Negeri Selangor Lau Weng San, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat Dato' Amirul Azizan Abd Rahim dan Ketua Pegawai Eksekutif PNSB YM Raja Ahmad Shahrir Iskandar Raja Salim.

Kawasan baharu kampung Orang Asli

SHAH ALAM - Kampung Orang Asli Bukit Baja di Dengkil bakal diwartakan di kawasan baharu atas tanah berkeluasan 180 ekar milik Kerajaan Negeri, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan keputusan itu bagi memastikan golongan minoriti memiliki perkampungan sendiri berikutan tapak kediaman sebelum ini tidak pernah diwartakan.

Menurutnya, tapak lama milik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) berkeluasan 243 ekar akan

dibangunkan bagi projek Wilayah Pembangunan Bersepadu Selangor Selatan (IDRISS).

"Sebagai kerajaan prihatin, kita laksanakan beberapa perbincangan supaya situasi menang-menang, di mana ada pewartaan untuk Kampung Orang Asli, manakala PKNS dibenarkan membangunkan tapak lama.

"Justeru, langkah pertama ialah mewartakan 180 ekar tanah milik negeri sebagai perkampungan Orang Asli Bukit Baja supaya menjadi hak milik

mereka," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 9 Julai.

Amirudin menambah perkara lain akan diselesaikan berperingkat termasuk menyediakan tabung pendidikan dan keselamatan, tapak kubur, surau, balai raya, tadika, kedai dan kos infrastruktur.

Menjawab soalan wakil rakyat Dengkil Datuk Seri Jamil Salleh, beliau berkata negeri juga menawarkan penyediaan bangunan asas rumah dan menampung kos perpindahan sementara sebelum kediaman itu siap.

RM100 bilion pelaburan asing

SHAH ALAM - Selangor mencatat nilai pelaburan asing RM100.38 bilion dalam sektor pembuatan dan pengilangan antara 2008 hingga Mac tahun ini.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han memberitahu kejayaan tersebut membuka 169,775 peluang kerja melalui 1,955 projek berdasarkan laporan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida).

"Pada waktu ini, Invest Selangor Berhad memantau 63 projek pelaburan as-

ing yang dalam fasa akhir sebelum memasuki proses pemeteraian perjanjian sewa atau beli.

"Projek-projek tersebut melalui fasa lawatan tapak. Anggaran keseluruhan potensi pelaburan kira-kira RM8 bilion," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 5 Julai.

Pada Mac, Mida mengumumkan pelaburan RM55.3 bilion direkod Selangor sepanjang tahun lalu melebihi

sasaran RM45 billion.

Data agensi berkenaan juga menunjukkan projek perkilangan atau sektor pembuatan mencatat peningkatan daripada RM19.3 bilion berbanding RM12.2 bilion pada 2022.

Berikutan pencapaian tersebut, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyasar nilai pelaburan tahun ini sebanyak RM50 bilion ekoran perkembangan ekonomi yang semakin baik.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Aludra

Residensi

Memperkenalkan

Senibina Moden Berkonsepkan Gaya Hidup Elegan

Pelancaran Rumah Bandar 2 Tingkat

(37' x 55' & 35' x 55')

Selamat datang ke Aludra, sebuah rumah bandar yang menjanjikan kehidupan dengan gaya hidup kontemporari di tengah kota Selangor Cyber Valley. Alami makna baru kehidupan elegan yang disempurnakan dengan aura seni diinspirasi kemewahan.



Jom bersama kami di majlis pelancaran untuk mendapatkan info lanjut dan pakej menarik yang tersedia.

✦ 14 Julai 2024 (Majlis Pelancaran) ✦
✦ 10 pagi - 4 petang ✦



Galeri Jualan Selangor Cyber Valley



*Gambar Ilustrasi Pelukis



Di Pusat Pertumbuhan:

SELANGOR
CYBER VALLEY

010-928 0187

03 5022 0187



pkns.gov.my



Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor



PKNS OFFICIAL

PKNS 
HOMES

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

Bahagian Jualan Hartanah, Tingkat 3, Blok B, No.2, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

No. lesen pemaju: 9062/11-2028/1331(A) Tarikh sah: 04/11/2023-03/11/2028 No.permit iklan & jualan: 9062-124/06-2027/0542(N)-(S) Tarikh sah: 22/06/2024 - 21/06/2027 Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Perbandaran Sepang No. kelulusan pelan: MPSepang 600-34/1/203(9) Status hakmilik: Pajak selama 99 tahun berakhir pada 5 November 2116. Bebanan tanah: Tiada. Tarikh jangka siap: Disember 2026. Jenis rumah: Rumah Bandar Bilangan unit: 196 unit (35' x 55') Harga minima: RM610,500 Maksima: RM650,650 Jenis rumah: Rumah Bandar Bilangan unit: 22 unit (37' x 55') Harga minima: RM666,050 Maksima: RM671,550 Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran pihak Berkuasa Negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA.

Manfaat program untuk mahasiswa

SHAH ALAM - Program pembangunan mahasiswa diharap mampu memberi peluang kepada graduan meraih manfaat lebih besar untuk berbakti kepada negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif itu bukan sekadar program 'one-off' tetapi dilaksanakan dengan lebih berkesan.

"Memegang portfolio pendidikan negeri, agenda pembangunan pendidikan melalui program pembangunan pelajar peringkat menengah atas dan mahasiswa adalah sesuatu yang begitu dekat dengan saya.

"Melalui inisiatif ini, Sekretariat Pembangunan Mahasiswa Selangor ditubuh dengan penglibatan pasukan teras melalui wakil agensi dan entiti strategik Kerajaan Negeri daripada pelbagai lapangan dan latar belakang," katanya menerusi Facebook pada 3 Julai.

Amirudin memaklumkan Kerajaan Negeri julung kalinya menjayakan Konvensyen Mahasiswa Selangor Timur Tengah (KOMSEL) sejak 2019 dan dilaksanakan sehingga kini.

"Tahun lepas melalui Belanjawan Selangor 2024, saya ilhamkan Jelajah Mahasiswa #KitaSelangor yang kini dikenali dengan Jerayawara Siswa #KitaSelangor yang dijalankan di Sabah dan Pulau Pinang bertujuan meluaskan inisiatif itu kepada mahasiswa Selangor seluruh negara," katanya.

Liputan penuh 5G tahun depan

SHAH ALAM - Penduduk Selangor bakal menikmati liputan rangkaian 5G sepenuhnya pada tahun depan, kata EXCO Kebudayaan Inovasi Dr Mohammad Fahmi Ngah.

Beliau menjelaskan liputan 5G di negeri ini mencapai 96.1 peratus setakat ini dengan pembinaan rangkaian sedemikian tertumpu di kawasan yang banyak kegiatan ekonomi.

"Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia menetapkan Selangor mencapai liputan 5G sepenuhnya tahun depan. Setakat ini, ada 38 tempat ada masalah seperti putus panggilan.

"Selangor berada di landasan tepat untuk capai sasaran. Beberapa perkara sedang ditambah baik supaya rangkaian liputan diperbaiki untuk masa akan datang," katanya pada 7 Julai.

Kursus kemahiran buat pelajar tahfiz

SHAH ALAM - Seramai 103 pelajar tahfiz terpilih mengikuti program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) tajaan Kerajaan Negeri antara 2021 hingga 2023.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan program di Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC) itu menerima peruntukan RM1.14 juta.

Beliau berkata anak tahfiz dibantu untuk meneruskan pengajian dalam bidang

kemahiran dengan syarat minimum iaitu usia 16 tahun dan tidak memerlukan ke- layakan akademik sekolah menengah.

"Bantuan ini menaikkan semangat mereka untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi di samping meringankan beban keluarga dan menyediakan peluang pekerjaan baik," katanya.

Beliau menjawab soalan wakil rakyat Meru Mariam Abdul Rashid berhubung status program latihan kemahiran tahfiz bawah STDC pada persidangan Dewan

Negeri Selangor pada 4 Julai.

Amirudin memberitahu pentadbiran negeri berazam untuk menggalakkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan golongan belia untuk meneruskan pengajian dalam bidang kemahiran.

Katanya, IKTISASS menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia dengan syarat ke- masukan minimum selain Program Ke- mahiran Profesional yang menekankan industri teknologi digital dan pembuatan termaju.

Kerja dua fasa sepanjang 300 kilometer

RM5 juta bersih saliran tanpa tuan

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Sejumlah RM5 juta diperuntuk Kerajaan Negeri bagi melaksanakan kerja pembersihan parit dan longkang tidak bertuan di seluruh Selangor tahun ini.

EXCO infrastruktur berkata kerja pembersihan saliran sepanjang lebih 300 kilometer (km) dijalankan dalam dua fasa dengan setiap peringkat menerima peruntukan RM2.5 juta.

Menurut Ir Izham Hashim, fasa satu melibatkan parit tidak bertuan sepanjang 162km yang dikenal pasti

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor.

"Untuk fasa dua, RM2.5 juta diperuntuk melibatkan parit dan longkang tidak bertuan yang dikenal pasti Jabatan Kerja Raya Selangor, pejabat daerah dan tanah serta pihak berkuasa tempatan.

"Peruntukan telah diluluskan dan dalam peringkat perolehan ketika ini. Ini dilaksanakan secara berfasa dan disiapkan sebelum menjelang monsun Oktober nanti dengan (panjang keseluruhan diang-

garkan) lebih 300km," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 9 Julai.

Ir Izham menambah Kerajaan Negeri sedang menyiapkan kertas dasar berhubung penyerahan milikan parit dan longkang tidak bertuan kepada agensi berkaitan.

"Kertas dasar perlu disiapkan sebelum akhir tahun ini supaya bajet dapat disediakan tahun depan untuk mereka menguruskan (penyelenggaraan) secara berkala," katanya.



Bantu operasi 450 pusat tahfiz

SUBANG JAYA - Sebanyak 450 institusi tahfiz persendirian mendaftar dengan Persatuan Institusi Tahfiz Selangor (PITAS) setakat bulan lalu seterusnya layak menyertai program pemutihan.

Namun, EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah memberitahu rekod menunjukkan ada 724 pusat tahfiz lagi dikesan beroperasi tanpa mendaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Menggesa pengusaha tersebut segera berbuat demikian bagi menge- lak tindakan penutupan selewat-lewat

pada Disember, beliau berkata pusat tahfiz berdaftar akan menyertai proses pemutihan.

Beliau menjelaskan PITAS akan membantu mereka untuk mem- buat permohonan kebenaran merancang tempoh terhad bagi memastikan sama ada mereka boleh terus berope- rasi atau berpindah.

"Proses ini untuk kita fa- hami keadaan sebenar pusat tahfiz dan buat perancangan. Tempoh hingga Disember. Jika tidak daftar, kita tidak teragak-agak menu- tupnya," kata beliau pada 7 Julai.

Dr Fahmi juga memaklumkan pihak- nya akan mewujudkan dasar baharu berhubung pembinaan sekolah agama di Selangor yang akan diumumkan dalam masa terdekat.

"Kita akui keperluan sekolah aga- ma di beberapa daerah tetapi perlu ada perancangan ke depan antaranya mengetahui kapasiti murid di setiap kawasan.

"Sebab itu, kita buat pemutihan untuk peroleh data sebenar sekali gus menetapkan pembukaan sekolah aga- ma pada masa depan. Kita akan wu- jud dasar baharu, kaedahnya akan di- umumkan," katanya.



WAKTU SOLAT	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang								Klang dan Kuala Langat								Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak			
11 Khamis	5:47	5:57	7:09	1:22	4:46	7:30	8:45	5:48	5:58	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45	5:48	5:58	7:10	1:24	4:49	7:33	8:48			
12 Jumaat	5:47	5:57	7:09	1:22	4:46	7:30	8:45	5:48	5:58	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45	5:48	5:58	7:11	1:24	4:49	7:33	8:48			
13 Sabtu	5:48	5:58	7:09	1:22	4:46	7:30	8:45	5:48	5:58	7:11	1:22	4:47	7:30	8:45	5:49	5:59	7:11	1:24	4:49	7:33	8:47			
14 Ahad	5:48	5:58	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45	5:49	5:59	7:11	1:22	4:47	7:30	8:45	5:49	5:59	7:11	1:24	4:49	7:33	8:47			
15 Isnin	5:48	5:58	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45	5:49	5:59	7:11	1:23	4:47	7:30	8:45	5:49	5:59	7:11	1:24	4:49	7:33	8:47			
16 Selasa	5:48	5:58	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45	5:49	5:59	7:11	1:23	4:47	7:30	8:45	5:49	5:59	7:11	1:24	4:49	7:33	8:47			
17 Rabu	5:48	5:58	7:10	1:22	4:46	7:31	8:45	5:49	5:59	7:11	1:23	4:47	7:31	8:45	5:50	6:00	7:11	1:25	4:49	7:33	8:47			

WAKTU SOLAT
11 - 17 JULAI 2024
5 - 11 MUHARRAM 1446H



SOLIDARITI... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (kiri) bersama pendakwah Indonesia Ustaz Abdul Somad (tengah) memegang poster #Gaza Bangkit dan Ketua Aktivis Kemanusiaan Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia Dr Sani Araby (kanan) ketika program Malam Ehsan Untuk Insan sempena sambutan Maal Hijrah 1446H di Dataran Karnival, Shah Alam pada 7 Julai. Foto REMY ARIFIN ▶ BERITA MUKA 24

Longgar syarat bantuan bulanan tunai

Isi rumah RM5,000 layak daftar

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Syarat permohonan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) dilonggar kepada isi rumah berpendapatan bawah RM5,000 berbanding RM3,000 sebelum ini supaya lebih ramai memperoleh manfaat.

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari memberitahu syarat lain untuk menikmati bantuan tunai itu antaranya pemohon ada dua anak berusia bawah 18 tahun.

Menyasar 30,000 penerima peruntukan RM108 juta, beliau menambah pemohon mesti rakyat tempatan yang lahir di Selangor atau menetap lebih 10 tahun dan pengundi berdaftar di negeri ini.

"Program ini bakal menoktahkan kemiskinan tegar seterusnya menyumbang pencapaian petunjuk makro Rancangan Selangor Pertama (RS-1) untuk mengurangkan kemiskinan relatif," katanya.

Beliau berkata bantuan bulanan itu boleh dimohon sehingga 15 Ogos melalui aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) atau laman sesawang www.bingkasselangor.com

"BINGKAS menawarkan bantuan

RM300 sebulan selama 24 bulan untuk pembelian barangan keperluan asas seperti makanan, ubat-ubatan serta kelengkapan pendidikan.

"Ini menjadikan BINGKAS antara program bantuan kewangan terbesar berbanding negeri lain," kata dalam sidang media pada 5 Julai.

Sementara itu, guru sekolah antarabangsa di Kajang berkata inisiatif BINGKAS bukan sahaja boleh digunakan untuk membeli barangan keperluan asas, tetapi bagi tujuan pendidikan anak termasuk perubatan.

M Khirtiga, 21, turut mengakui kelonggaran syarat permohonan baharu bantuan bawah Itizam Selangor Penyayang tepat pada masanya bagi meringankan perbelanjaan keluarga berpendapatan rendah.

"Sudah tentu ramai bersyukur jika syarat bantuan dilonggar. Langkah ini boleh meringankan beban mereka yang berpendapatan bawah RM5,000 berbanding dahulu RM3,000.

"Bayaran bantuan setiap bulan kepada penerima yang layak ini sangat membantu dan mereka boleh guna untuk perkara bermanfaat seperti beli barang dapur, pendidikan serta perubatan," katanya.



Gaji tinggi kawal hijrah cendekiawan

SHAH ALAM - Pembangunan sektor semikonduktor di Selangor dijangka mengurangkan isu hijrah cendekiawan (brain drain) berikutan gaji besar yang ditawarkan dalam bidang itu.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han berkata tawaran itu boleh menarik minat rakyat tempatan yang berhijrah ke luar negara untuk bersama-sama membangunkan sektor berkenaan di Malaysia.

Pada masa sama, jelasnya, Selangor bakal menikmati pelbagai manfaat pulangan pelaburan tempatan dan asing secara langsung daripada syarikat semikonduktor bertaraf antarabangsa.

"Ini juga menarik syarikat Modal Teroka bertaraf antarabangsa untuk mengembangkan perniagaan reka bentuk litar bersepadu, termasuk peluang membuka kilang pemrosesan di Selangor.

"Justeru, Kerajaan Negeri menyasar lebih ramai rakyat tempatan yang berhijrah ke luar negara untuk pulang dan membangunkan industri semikonduktor bersama-sama," katanya pada 9 Julai.

Menjawab soalan dalam sidang Dewan Negeri Selangor, Sze Han menambah kewujudan sektor inovasi tinggi turut memberi limpahan ekonomi setempat lain seperti perumahan dan pengangkutan.

LOT BUMIPUTERA TERSEDIA

Alira

SUBANG JAYA

GAYA HIDUP KONTEMPORARI DENGAN PENGALAMAN KEDIAMAN DESTINASI REKREASI

Nikmati gaya hidup melangkaui keselesaan rumah sendiri di Alira. Kejiranan bersepadu 88-ekar berpegangan bebas, menggabungkan kediaman kontemporari dengan kehijauan segar, dikelilingi hab komersial dan pendidikan di dalam Subang Jaya.

MOT PERCUMA | **SIAP DIBINA 2025**

Bersebelahan Sekolah Antarabangsa Sri KDU

Gaya Hidup Berinspirasi Resort

Ruang Bekerja Khas

Akses Terus Kepada Taman Rimba Seluas 9.2 ekar

AVALAND
an Avaland company

Next Delta Sdn Bhd (1130397-A)
A subsidiary of AVALAND BERHAD (881786-X)
(Formerly known as MCT Berhad)
www.avaland.com.my

+6011 1722 5551

Alira at Subang Jaya
Avaland Gallery, Taipan USJ
W: alira.my

No. Lesen Pemaju: 30624/11-2028/0299(N) • Tarikh Sah: 21/11/2023 - 20/11/2028 • No. Permit Pengiklanan dan Jualan (Fasa 1): 20185-1/11/2024/1646(R)-S • Tarikh Sah: 19/11/2023 - 18/11/2024 • No. Permit Pengiklanan dan Jualan (Fasa 2): 20185-2/07-2025/0073(N)-S • Tarikh Sah: 04/07/2022 - 03/07/2025 • Pemaju: Next Delta Sdn. Bhd. (1130397-A) • Alamat: Lot C-02, Level 2, SkyPark @ One City, Jalan USJ 25/1, 47650 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03 5115 9988 • Tempoh Pegangan Tanah: Pegangan Bebas • Bebanan Tanah: Maybank Islamic Berhad • Pinak Berkualiti Meluluskan Pelan Pembangunan: Majlis Bandaraya Subang Jaya • No. Kelulusan Pelan Pembangunan: MBSJ BGN BP2 603-1/10/4/14 • Tarikh Jangkaan Siap Pembinaan: Dec 2025 • Jumlah Unit: 832 • Harga Menara A: RM578,916 (Min) - RM884,284 (Max) Harga Blok 1: RM978,640 (Min) - RM1,068,340 (Max) • Harga Menara B: RM716,800 (Min) - RM899,800 (Max) • Diskaun Bumiputera: 10% • IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Pantau cerun berisiko lima PBT

SHAH ALAM - Laporan beberapa cerun berisiko dikemuka kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk tindakan lanjut, kata EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim.

Beliau berkata kawasan itu membabitkan Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

"Kita memanjangkan kepada PBT bagi kawasan Hulu Langat, Hulu Selangor dan Gombak. Terbaharu, Subang Jaya juga termasuk disebabkan berlakunya beberapa kes cerun (runtuh)," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 9 Julai.

Beliau juga menjelaskan laporan berkenaan diperoleh hasil keputusan cerapan jawatankuasa pemantauan cerun yang diketuainya.

Uji konsep khidmat van transit

SHAH ALAM - Pengujian konsep (POC) terhadap perkhidmatan van transit atas permintaan (DRT) dijalankan demi memastikan skim berkenaan memberi dampak tinggi kepada negeri.

EXCO Mobiliti Ng Sze Han memberitahu proses berkenaan yang dijadual berakhir pada bulan ini dilaksanakan syarikat pengendali Asia Mobility Technologies Sdn Bhd dan Badanbas Sdn Bhd.

"POC projek rintis DRT memberi dapatan dalam mengenal pasti keberkesanan perkhidmatan. Hasil ini menjadi panduan apabila perkhidmatan DRT dibuat sepenuhnya," kata beliau pada 5 Julai.

Beliau berkata maklum balas pengguna meliputi aspek keselamatan, kondisi kenderaan, keluasan radius perkhidmatan, lokasi tumpuan serta tahap kesedaran rakyat berhubung skim berkenaan.

Muktamad enakmen kawal ternakan liar

SHAH ALAM - Draf pindaan Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1971 berkenaan haiwan berkeliaran dijangka dimuktamadkan sebelum hujung tahun ini, kata EXCO pertanian.

Ir Izham Hashim berkata Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri dengan kerjasama pihak berkuasa negeri dalam proses penyediaan draf Kaedah-kaedah Pelesenan Penternakan Lembu Kerbau supaya tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan lebih teratur.

Beliau menjelaskan cadangan pindaan itu menaikkan jumlah denda daripada RM1,000 hingga RM10,000 buat pemilik yang tidak bertanggungjawab.

"Kerajaan Negeri akan melaksanakan sesi penerangan dan libat urus membabitkan pihak berkepentingan dalam tempoh enam bulan sebelum penguatkuasaan dilaksanakan di seluruh negeri," katanya pada 10 Julai.

Sasar jadi hab industri Asia Tenggara

SHAH ALAM - Pelan Tindakan Aeroangkasa Selangor 2020-2030 bakal memacu pembangunan aeroangkasa negeri sekali gus menjadi hab utama perindustrian di Asia Tenggara.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han berkata matlamat berkenaan dapat dicapai menerusi pelaksanaan pelbagai usaha dan strategi yang terkandung dalam pelan perancangan 10 tahun itu.

"Secara global, industri aeroangkasa dijangka berkembang sebanyak RM2.6

trilion menjelang 2030 dengan kadar pertumbuhan 5.9 peratus setiap tahun.

"Perkara ini dapat dicapai dalam rangka pertumbuhan trafik penumpang yang dijangka meningkat sebanyak 6.1 peratus dan penambahan aset kapal terbang syarikat-syarikat penerbangan sebanyak 3.5 peratus.

"Tahun lalu, Selangor merekodkan pelaburan sektor pembuatan sebanyak RM19.3 bilion, meningkat daripada RM12.2 bilion pada tahun sebelum-

nya. Sebahagian nilai itu merangkumi pelaburan industri aeroangkasa," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 9 Julai.

Sze Han turut menjelaskan beberapa projek dijalankan bersama syarikat terkemuka antaranya Dassault Aviation, Collins Aerospace, Smartlink Engineering, Singapore Airlines Engineering dan Malaysia Airlines Engineering bagi mengembangkan lagi sektor berkenaan.

Tidak perlu hadap trafik sesak

Penduduk lega jejambat dibuka

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

KUALA LANGAT - Pembukaan jejambat Bandar Saujana Putra di sini melegakan penduduk sekitar kerana mengurangkan masalah trafik sesak terutama pada waktu puncak.

Wakil jawatankuasa Majlis Perwakilan Penduduk zon 7 Kuala Langat Shamsuddin Salleh berkata kemudahan itu turut mengubah rutin harian penduduk yang sebelum ini terkesan hampir 10 tahun.

"Tidak perlu lagi keluar terlalu awal seperti sebelum ini, ada yang sanggup

keluar rumah jam 4.30 pagi untuk ke tempat kerja kerana bimbang terperangkap dalam kesesakan.

"Pembinaan jejambat ini yang dilengkapkan dengan sistem lampu isyarat di persiaran Bandar Saujana Putra juga meningkatkan kelancaran trafik kawasan sekitar yang menghubungkan pelbagai persimpangan termasuklah ke Rimbayu, Putrajaya, Kajang dan Shah Alam," katanya pada 8 Julai.

Jurutera Shazwani Rahmat, 38, berkata beliau terpaksa keluar rumah

seawal 5.30 pagi setiap hari untuk menghantar anak ke sekolah hampir enam tahun.

"Walaupun anak masuk (sekolah) jam 7.20 pagi, kami perlu keluar paling lewat jam 5.30 pagi kerana sekolah terdekat di Seksyen 27, Shah Alam. Kini dengan terbinanya jejambat ini trafik lebih lancar," katanya.

Pengerusi Surau Al Mukmin Pangsapuri Seri Saujana, Mohd Zaidi Zakaria berkata kini surau berkenaan menerima kehadiran lebih ramai jemaah terutama pada waktu Subuh dan Maghrib.



Teliti bina enam lebuh raya baharu

SHAH ALAM - Cadangan membina enam lebuh raya baharu di Selangor sedang diteliti dengan kerjasama kerajaan persekutuan, kata EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim.

Kemudahan itu meliputi Lebuhraya Putrajaya-Bangi (PBE), Lebuhraya Kuala Lumpur Northern Dispersal Expressway (KL NODE) dan Lebuhraya Senawang KLIA Salak Tinggi (SKLIA).

Tiga lagi ialah Lebuhraya Pintasan

Lebuhraya Persekutuan (PINTAR), Lebuhraya Kuala Lumpur Shah Alam (KL SKYWAY) dan Lebuhraya Bertingkat Sungai Klang Link (SKL).

"Untuk cadangan pembinaan lebuhraya PBE, kita sedang menunggu keputusan rasmi daripada kerajaan persekutuan berhubung pelaksanaan projek ini.

"Bagi KL NODE, kita masih dalam rundingan teknikal antara Lembaga

Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan syarikat pencadang dan tiga projek dalam penelitian persekutuan," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 4 Julai.

Menurut Ir Izham, pembinaan Lebuhraya Petaling Jaya Dispersal Link (PJD Link) juga dinilai semula susulan penambahbaikan yang dibuat pemaju membabitkan penjajaran semula enam lokasi.

Tiga projek SABDA mula operasi

SHAH ALAM - Tiga daripada 18 projek yang dirancang dalam Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) telah mula beroperasi, kata EXCO Kemajuan Desa dan Luar Bandar Datuk Rizam Ismail.

Beliau merujuk kepada Pusat Konservasi Kelip-Kelip Sungai Panjang, projek ekopelancongan Ban Canal dan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) Sabak Bernam.

Menyatakan SABDA bersifat projek jangka panjang, Rizam berkata pembi-

naan Jambatan Sungai Air Tawar-Hutan Melintang yang menghubungkan Sabak Bernam dan Bagan Datuk dijadual siap Jun 2026.

"Baki (15) projek masih dalam fasa perancangan sama ada peringkat reka bentuk, konsep dan inisiatif," kata wakil rakyat Sungai Air Tawar itu di Dewan Negeri Selangor pada 5 Julai.

Rizam juga menegaskan semua projek SABDA tidak membabitkan tanah milik penduduk tempatan sebaliknya melibatkan aset milik pentadbiran

negeri. "Projek bawah SABDA memberi tumpuan berkaitan penyelarasan dan penyelesaian hal tanah untuk memastikan tapak tanah bagi projek di atas sedia untuk dibangunkan dengan lancar," katanya.

SABDA antara agenda dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang diumumkan pada Julai 2022 membabitkan pembangunan tanaman bernilai tinggi melalui penggunaan teknologi dengan nilai pelaburan RM1.9 bilion.



AKTIF... Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli menunggang kuda sambil memanah di Algotory Stable Kampung Bukit Hijau sempena program Gagasan Rumpun Selangor daerah Kuala Selangor pada 10 Julai. Foto ZULFADHLI ZAKI

Tangani isu kesihatan mental

Sedia kaunselor setiap daerah

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Sembilan kaunselor akan ditempatkan di setiap daerah selewat-lewatnya hujung tahun ini bagi membantu menangani masalah kesihatan mental, kata EXCO kesihatan awam.

Jamaliah Jamaluddin menjelaskan projek rintis tersebut yang dirangka pada tahun ini dijalankan dengan kerjasama Persatuan Kaunselor Antarabangsa Malaysia (Perkama).

"Kita anggap projek rintis kerana mengambil kira aspek peruntukan. Kita lihat maklum balas projek ini untuk tindakan lanjut," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 5 Julai.

Beliau juga menjelaskan sebanyak 1,354 individu menghubungi talian khas melalui program Selangor Mental Sihat (SEHAT) setakat 30 Jun.

"Seramai 281 pesakit menerima subsidi rawatan psikiatri melibatkan konsultasi daripada pakar dengan anggaran kos rawatan RM200 bagi satu sesi.

"Berdasarkan perbincangan, beberapa punca menyebabkan masalah kesihatan mental antaranya tekanan hidup, pekerjaan, situasi keluarga dan kegana-

san domestik," katanya.

SEHAT dilancarkan melalui peruntukan RM500,000 bagi menangani isu kesihatan mental yang semakin membimbangkan sejak pandemik Covid-19 melanda.

Program itu membantu orang ramai mengetahui tahap kesihatan mental menerusi saringan awal skala tekanan dan pemeriksaan risiko secara sendiri.

Sementara itu, hab Program Anak Selangor Anak Sihat (ASAS) akan ditubuh di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN)

bagi mengurangkan masalah kekurangan zat kanak-kanak.

Jamaliah berkata kanak-kanak di setiap DUN akan menjalani proses saringan yang diselaras Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor sebelum menerima bakul makanan.

Menurutnya pemantauan selama enam bulan dilaksanakan untuk menilai perkembangan fizikal peserta.

Jamaliah berkata pengurangan isu kekurangan zat kanak-kanak juga boleh dicapai melalui pengurusan data status pertumbuhan kanak-kanak secara lebih sistematik dan efisien melalui aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah).



1,287 kediaman Skim Smart Sewa

SHAH ALAM - Sebanyak 1,287 unit Rumah Selangorku diluluskan untuk pelaksanaan Skim Smart Sewa sejak 2017 hingga Jun bagi membantu golongan berpendapatan rendah menyewa kediaman.

EXCO Perumahan Borhan Aman Shah berkata inisiatif membabitkan 32 projek melalui peruntukan RM240 juta turut membantu penyewa mendapat pulangan sebanyak 30 peratus sepanjang tempoh menyewa.

"Kerajaan Negeri memperkenalkan skim ini untuk membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan supaya dapat menyewa kediaman dengan kadar sewa berpatutan berbanding harga pasaran.

"Mereka diberi tempoh sewaan selama dua hingga lima tahun dan mendapat semula pulangan 30 peratus wang sewaan bersih apabila tamat tempoh," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 9 Julai.

Sebelum ini, Borhan berkata pentadbiran negeri menyasar lebih 3,000 kediaman untuk skim berkenaan menjelang 2026 sebagai usaha membantu pasangan muda yang baharu berkahwin.

GAMUDA COVE
GAMUDA LAND

MIO SPRING

RUMAH TERES DUA TINGKAT

Luas tanah dari 26'x65' | Luas binaan dari: 2,518 kps

UNIT BUMIPUTERA & 7% POTONGAN HARGA BUMIPUTERA*

Alami gaya hidup moden berinspirasi Jepun di Mio Spring di mana ia menampilkan reka bentuk biofilik dan kaya dengan biodiversiti.

Bersebelahan dengan Taman Sentral seluas 60 ekar

Fasad & kemudahan berinspirasi Jepun

Konsep biofilik

3m tambahan di bahagian halaman*

Peti surat parcel sedia ada

Konsep susun atur terbuka

Hubungi kami untuk maklumat lanjut

*Tersebut pada teras dan syiling. Lihatlah Peta

Sincere Responsible Original

Gamuda Land (112) Sdn Bhd
 (Incorporated in Malaysia)
 No. 112, Jalan 11/2, Seksyen 11, 40130 Shah Alam, Selangor, Malaysia

FINANCIAL WORLD PEEK EXCELLENCE AWARDS 2023

THE EDGE EXCELLENCE AWARDS 2023

RENTAL 2023

gamudacove.com.my
03 9212 0455

Anjur 225 program perkasa wanita

SHAH ALAM - Sebanyak 225 program pemerkasaan wanita dilaksanakan 30 penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) sepanjang Februari hingga Mei lalu.

EXCO pembangunan wanita berkata program itu adalah bimbingan serta latihan merangkumi modul kemahiran dan kapasiti.

Anfaal Saari berkata model kemahiran termasuk pemprosesan makanan produk hasilan soya, bengkel jahitan, bengkel penyediaan losyen, penyediaan biskut raya dan makanan.

"Bagi modul kapasiti pula bengkel e-usahawan asas pemasaran digital, kursus transformasi peniaga B40 dan bengkel kelas dalam talian," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 9 Julai.

Sertai saringan kesihatan percuma

SHAH ALAM - Orang ramai dipelawa menyertai saringan kesihatan percuma anjuran Kerajaan Negeri meliputi dua lokasi antara jam 9 pagi hingga 3 petang sepanjang bulan ini.

Program Selangor Saring itu diadakan pada 14 Julai di Dewan Orang Ramai Kampung Wira Damai, Gombak dan 20 Julai di Dewan Serbaguna Kampung Kuantan, Klang.

"Jom ramai-ramai berkunjung ke lokasi program Selangor Saring. Ambil peluang ini untuk melakukan saringan kesihatan percuma," katanya di Facebook.

Pendaftaran boleh dibuat menerusi aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah). Hubungi Selcare melalui talian 1-800-22-6600 jika alami masalah pendaftaran.

Peluang orang ramai anjur jualan murah

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) membuka permohonan dalam talian untuk orang perseorangan mengadakan jualan murah barangan asas pada harga rendah.

Menurut agensi itu di Facebook, pihak yang berminat menganjur Jualan Ehsan Rahmah (JER) boleh memohon menerusi pautan forms.gle/3xE6acRZ-Rv17X2zT6 atau imbas kod QR pada poster.

Pada 15 Januari, Pengurus Besar Sektor Perniagaan dan Pemasaran PKPS Rosnani Abd Malik berkata permohonan juga boleh dibuat melalui wakil rakyat, ketua kampung, pihak berkuasa tempatan, ahli majlis atau jabatan kerajaan.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 setiap pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM13).

3,000 keluarga manfaat jualan murah

SUBANG JAYA - Lebih 3,000 keluarga di Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Setia menerima manfaat program jualan murah barangan asas yang diadakan meliputi lima lokasi sejak Mei tahun ini.

Wakil rakyatnya Dr Mohammad Fahmi Ngah memberitahu pihaknya bekerjasama dengan persatuan penduduk dan ahli majlis untuk menganjurkan Jualan Ehsan Rahmah (JER) di lokasi strategik.

"Pejabat DUN akan cuba melaksanakan lebih kerap program jualan murah kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) itu supaya lebih ramai keluarga terima manfaat.

"Penganjuran JER mengikut giliran PKPS tetapi kita cuba bawa program ini ke seluruh penduduk DUN khususnya kelompok berpendapatan rendah," katanya di Kelana Jaya di sini pada 7 Jun.

Dr Fahmi berkata program tersebut antara wadah berkongsi inisiatif antaranya Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor, Skim Air Darul Ehsan dan Iltizam Sihat Selangor kepada rakyat.

Sementara itu, suri rumah Kamariah Hashim, 74, tidak lepaskan peluang untuk ke program JER berhampiran rumah kerana harganya murah berbanding pasaran luar terutamanya ayam dan telur.

"Program bagus dan digalakkan jika diteruskan kerana membantu rakyat

khususnya golongan berpendapatan rendah," katanya.

Pekerja swasta Faizal Abdullah, 28, pula menyifatkan program tersebut menjimatkan kos perbelanjaan barangan dapur.

"Jika di sini jumlah keseluruhan pembelian RM65, mungkin di luar mencecah RM90. Tidak mengapa jika perlu menunggu seketika, yang utama penjimatan kos belanja dapur," katanya.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 setiap pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM13).

Kenangan di Stadium Shah Alam

Gema sorakan gol dalam kuliah

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Bunyi wisel, tiupan trompet dan sorakan gol antara kenangan manis bekas pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam di Stadium Shah Alam antara 2003 hingga 2005.

Menurut Azharul Azmir Kamarulzaman, 39, suasa gamat setiap kali jaidual kuliah bertembung perlawanan bola sepak memandangkan kelas mereka terletak aras bawah tempat duduk penonton.

"Memang pensyarah akan cuba mengelak adakan kuliah semasa ada

perlawanan tetapi ada kalanya memang mendesak. Jadi, terpaksa juga buat kelas.

"Masa itu, berlawan-lawanlah suara pensyarah dengan bunyi jeritan dan sorakan. Selalunya 'yang di luar' itulah menang," kata bekas mahasiswa Fakulti Seni Persembahan pada 5 Julai.

Mengimbau kenangan itu, beliau mengakui hairan apabila terpaksa mengikuti kuliah di stadium yang kini dalam proses perobohan, malah ada rakannya sesat ketika pertama kali ke sana.

"Apabila saya dikhabarkan bilik kuliah kami di Stadium Shah Alam, terpinga-pinga juga dibuatnya. Rasa pelik,

malah takut ditipu juga ada.

"Rupa-rupanya memang wujud bilik kuliah bawah kawasan tempat duduk stadium. Suasananya sama seperti bilik kuliah, cuma siling agak rendah," katanya yang bekerja dalam bidang perfileman.

Yakin pembangunan Kompleks Suksan Shah Alam memberi limpahan kepada penduduk setempat, Azharul Azmir berkata bilik pengajian di stadium lengkap pelbagai kemudahan termasuk medan selera.

"Tiada yang kurang, kami gembira belajar di sana, malah kini jadi kenangan manis untuk kami simpan hingga akhir hayat," katanya yang mengakui kerja meroboh stadium itu menggigit memori.



Tingkat kesedaran jaga kesihatan

SHAH ALAM - Rata-rata warga emas menyifatkan program pemeriksaan kesihatan percuma Selangor Saring anjuran Kerajaan Negeri banyak menjimatkan kos dan masa mereka.

Peserta Adnan Sariff, 68, memberitahu kemudahan seumpama itu tidak harus dilepaskan orang ramai demi kebaikan diri sendiri, lebih-lebih lagi golongan yang kian berumur.

"Ramai ambil mudah tentang kesihatan diri dan tidak mahu lakukan pemeriksaan dengan menganggap diri sihat sedangkan kita tidak tahu keadaan dalaman.

"Pemeriksaan kesihatan ini bukan hanya untuk orang tua tetapi anak muda juga perlu buat untuk mengetahui keadaan diri supaya dapat ambil

langkah pencegahan," katanya lagi.

Peserta Lee Ah Lan, 67, pula menyifatkan program itu bagus kerana membantu orang ramai memastikan kesihatan diri sentiasa berada pada tahap baik.

"Saya mengetahui program ini tiga hari lalu dan ambil keputusan untuk datang bersama anak-anak dan suami. Program ini bagus kerana tidak perlu pergi ke banyak tempat dan jimat masa.

"Kali terakhir buat pemeriksaan sebelum Covid-19. Apabila tahu ada program ini, saya tidak lepas peluang kerana jimat kos kerana di luar sangat mahal," katanya.



Mereka antara lebih 100 individu hadir ke program di Bandar Baru Sungai Buloh di sini pada 6 Julai.

Setiausaha Politik Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Jaras Mohamad Mohd Isa pula berkata program itu membantu rakyat membuat pemeriksaan awal seterusnya mencegah penyakit.

"Pelbagai saringan kesihatan dibuat seperti jantung, buah pinggang,encing manis, darah tinggi, barah, mata, telinga dan gigi," katanya.

Program sama diteruskan peringkat DUN Batu Tiga di Dewan Serbaguna Kampung Kuantan, Klang pada 20 Julai.



Oleh FARIDZWAN ABDUL GHAFAR

Meski sudah mencapai status negeri paling maju, pentadbiran Selangor enggan berada dalam zon selesa. Sebaliknya ia terus melipatgandakan usaha melakukan anjakan ke tahap lebih maju.

Sentiasa meneroka peluang baharu, Kerajaan Negeri membenteng pelan pembangunan lima tahun Rancangan Selangor Pertama (RS-1), 2021-2025, dokumen pertama seumpamanya di peringkat negeri di Malaysia.

Ia menggariskan 14 sasaran atau penunjuk kejayaan. Namun selepas mengambil kira beberapa perkembangan, dua lagi ditambah bagi mengukuhkan matlamat RS-1 untuk mencapai hasratnya Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur.

Kajian Separuh Penggal (KSP) pelan ini dibenteng pada 4 Julai, kurang tiga minggu genap setahun RS-1 dikemuka di Dewan Negeri Selangor. Dokumen tersebut dibenteng lewat susulan wabak Covid-19 yang melanda negara.

Semakan dibuat terhadap RS-1 bagi memastikan pembangunan negeri sejajar dasar persekutuan, antaranya Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR).

Untuk menjayakan 16 sasaran, RS-1 melaksanakan 282 projek, program dan inisiatif (PPI) dalam empat tema: pengukuhan ekonomi (93), kesejahteraan sosial (98), kelestarian (39) dan tadbir urus (52).

Daripada jumlah ini, sebanyak 230 PPI atau 82 peratus sedang dijalankan dan selebihnya sudah berjaya dilaksanakan. Sementara itu, daripada 20 projek pemacu RS-1, 60 peratus sedang dilaksanakan, 25 peratus (permulaan) dan selebihnya (perancangan).

Setiap tema ini menetapkan empat penunjuk kejayaan. Setakat KSP, daripada 16 penunjuk, 11 berada atas landasan tepat untuk mencapai atau melebihi sasaran, empat boleh tersasar jika tidak dipercepatkan dan satu lagi perlu ditambah baik.

Huraian lengkap penunjuk kejayaan dalam KSP RS-1 dimuatkan di **muka surat 10 dan 11**.

Sebanyak 51 PPI baharu diperkenalkan bagi menampung perkembangan semasa yang belum wujud ketika RS-1 dirancang. Satu untuk sejajar dengan NETR dan masing-masing empat untuk NIMP 2030, Ekonomi Madani serta Rancangan Malaysia ke-12.

Projek baharu

Tujuh lagi PPI baharu dibuat untuk Rancangan Struktur Negeri (RSN), 27 (manifesto Lima Tekad untuk Lima Tahun) dan 10 untuk pelbagai tujuan pembangunan lain.

Setelah lebih dua tahun pelaksanaan, khususnya selepas ekonomi bergerak semula susulan pandemik, KSP menambah baik kekurangan dokumen awal dan mengenal pasti enam keutamaan bagi tempoh 2024-2025.

Pertama, mengukuhkan prasarana bagi mencapai keseimbangan pembangunan bandar dan luar bandar. Projek besar yang baharu diperkenalkan antaranya:

- landasan kereta api Jajaran Rel Kita Selangor dari Klang ke Kuala Selangor dan seterusnya Sabak Bernam, selain dari Kuang ke Kuala Selangor. Projek ini mengambil kira pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).
- wilayah baharu Zon Pembangunan Kuala Selangor-Hulu Selangor yang memberi

Negeri maju rakyat makmur



tumpuan kepada pertanian, penternakan air dan ekopelancongan. Sebelum KSP, RS-1 merangka tiga pembangunan wilayah: Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA), Zon Pembangunan Ekonomi Gerbang Maritim Selangor (ZPE SMG) dan Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selangor Selatan (IDRISS).

- pembangunan di luar bandar ini bagi menyeimbangkan kepesatan empat bandar raya Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang yang kini dikenali Lembah Klang Raya.

Kedua, mempercepat peralihan tenaga sebagai keperluan agenda sifar bersih (net zero) dengan menjayakan NETR dan NIMP 2030. Untuk itu, Selangor meluluskan

- projek taman solar berskala besar di tanah pertanian luar kawasan perindustrian.
- loji Tenaga Hijau Sultan Idris Shah (SISGEP) di Rawang untuk menempatkan loji sisa ke tenaga (WTE) yang dapat menjana elektrik daripada pemprosesan 2,400 tan sampah setiap hari.
- membangunkan Wawasan Tenaga Sifar Bersih 2040 dengan sasaran kapasiti penjanaan tenaga total sebanyak 1 gigawatt menjelang tahun 2030.
- Pusat Kecemerlangan untuk Tenaga Mampan (dahulu Pusat Kecemerlangan PV Solar) untuk memajukan kepakaran dan inovasi

Jaminan makanan

Ketiga, memperkukuh jaminan makanan dan menambah baik tahap sara diri. Selangor ingin menjadi pengeluar hasil pertanian bernilai tinggi dengan peningkatan pengeluaran dan kualiti tanaman makanan serta ternakan menggunakan teknologi moden.

Usaha itu dimajukan, antaranya, dalam

wilayah SABDA dan juga zon Kuala Selangor-Hulu Selangor yang menjadi hab pertanian.

Keempat, memacu kepesatan amalan digital dalam transformasi perkhidmatan kerajaan dan membina ekonomi berasaskan teknologi terkini.

Fasa kedua RS-1 akan memperkemas platform dan aplikasi untuk memudahkan masyarakat, contohnya, kaedah pembayaran CEPat dan Selangor Super App.

Selain itu, pembangunan Jaringan SmartSelangor GigaBit (SeGnet) dijangka akan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui ketersambungan yang lebih baik.

Kelima, mempertingkatkan usaha membasmi kemiskinan dan siap siaga menghadapi masyarakat menua.

Penunjuk makro berkaitan kemiskinan mutlak dan relatif belum menunjukkan perubahan ketara antara 2020 hingga 2022.

Bagi separuh penggal kedua RS-1, Kerajaan Negeri meningkatkan usaha membasmi kemiskinan menerusi peluasan program sosial seperti Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan dan Dana Usahawan Madani Selangor (DUMS).

Bagi berdepan masyarakat menua, ekonomi penjagaan menjadi fokus baharu bagi memastikan khidmat sokongan untuk kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya dan kumpulan rentan.

Keenam, meningkatkan capaian kepada pembiayaan. Selangor sedang meneroka mekanisme mampan untuk meningkatkan pembiayaan di luar tanggungan awam untuk menyokong pelbagai projek dan keperluan, termasuk kerjasama awam-swasta (PPP).

Selain itu, pelbagai bentuk instrumen ekonomi sedang dikaji seperti mengenakan caj pencemaran bagi pembuangan sisa ke dalam sistem saliran sebagai insentif untuk lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Memburu 16 kejayaan

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI & NADIAH ZAMLUS**

Semua empat penunjuk kejayaan dalam tema pengukuhan ekonomi mencapai atau hampir mencapai sasaran, setakat separuh penggal pelaksanaan pelan pembangunan lima tahun Rancangan Selangor Pertama (RS-1) antara 2021 hingga 2023.

Namun empat lagi penunjuk kejayaan bagi tema kedua, peningkatan kesejahteraan dan keterangkuman sosial, berdepan cabaran. Walau pendapatan isi rumah dijangka boleh dicapai tetapi tiga lagi penunjuk perlu disemak.

Penunjuk kemiskinan mutlak dan indeks kebahagiaan dijangka menuju arah yang betul tetapi mungkin tersasar jika pelaksanaan tidak dipercepat. Sementara penunjuk kemiskinan relatif pula disifatkan menuju arah yang salah.

Daripada 16 penunjuk kejayaan, termasuk dua yang baharu dimasukkan setelah penilaian, hanya kemiskinan relatif dianggap “unjuran menuju ke arah yang salah”.

Sementara, selain kemiskinan mutlak dan indeks kebahagiaan, dua lagi penunjuk boleh tersasar. Dua penunjuk tersebut: kadar kitar semula sisa dan tahap kemajuan

projek utama pemacu RS-1.

Sebelas lagi penunjuk kejayaan berada atas landasan tepat untuk mencapai sasaran ditetapkan atau lebih baik.

Semua rumusan ini dimuatkan dalam laporan lengkap Kajian Separuh Penggal (KSP) RS-1, sebahagiannya dibentangkan oleh Dato’ Menteri Besar Dato’ Seri Amirudin Shari dalam Dewan Negeri Selangor pada 4 Julai.

Seperti dinyatakan, RS-1 yang pertama kali dibentangkan peringkat negeri di Malaysia bersifat “dokumen hidup” yang tertakluk pada perubahan semasa di dalam dan luar negeri.

Selain matlamat khusus, setiap empat tema mempunyai empat sasaran atau penunjuk kejayaan. Setiap tema ini pula mempunyai sektor atau bidang tumpuan. Bagi mencapai matlamat dan sasarannya, setiap tema mempunyai pelbagai projek, program dan inisiatif (PPI).

Tema kedua, kesejahteraan, mempunyai 98 PPI, kelestarian (39) dan tadbir urus (52).

Ekonomi

Bagi tema pengukuhan ekonomi, 93 PPI dilaksanakan dalam sembilan sektor tumpuan. Setakat ini, 18 PPI atau 19 peratus sudah selesai. Sementara 75 lagi (81 peratus) dalam

proses pelaksanaan.

Pertumbuhan ekonomi dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melepasi sasaran, membuktikan Selangor terus menerajui kekayaan negara. Kerajaan negeri berhasrat menyumbang 27 peratus kepada KDNK di hujung pelaksanaan RS-1.

Atau, purata pertumbuhan sepanjang pelaksanaan 2021 hingga 2025, disasarkan 6.5 hingga 7 peratus setahun. Bagi tahun 2023, Selangor merekodkan pertumbuhan 5.4 peratus dengan jumlah sumbangan KDNK paling tinggi, 25.9 peratus.

Purata pertumbuhan antara 2021 hingga 2022, Selangor merekod 8.5 peratus (**lihat jadual**). Namun, bagi tempoh 2021 hingga 2023, negeri mencatat purata pertumbuhan 7.43 peratus, lebih tinggi daripada penunjuk lima tahun.

Penunjuk kejayaan kedua, nilai pelaburan, mengatasi sasaran RM23 bilion hingga RM35 bilion. Sepanjang tempoh kajian, Kerajaan Negeri mencatat pencapaian mengagumkan dengan purata nilai pelaburan RM39.4 bilion.

Bagi penunjuk ketiga, peluang pekerjaan, Kerajaan Negeri menghampiri sasaran, purata 3.7 juta orang antara 2021 hingga 2022 berbanding 3.5 juta hingga 3.8 juta yang disasarkan.

Langkah meluaskan sambungan

internet berjalur lebar, setakat 2023, telah mencapai 61.6 peratus berbanding sasaran keempat 70 peratus. Namun, penunjuk kejayaan dianggap mendekati sasaran.

Kesejahteraan





Bagi tema kedua pula, sejumlah 98 PPI dilaksanakan dalam enam bidang tumpuan. Setakat ini, 12 PPI (atau 12 peratus) telah siap, sementara 86 lagi (88 peratus) dalam proses pelaksanaan.

Kenaikan pendapatan isi rumah penengah (median) sebanyak RM9,290 sebulan diangkat sebagai penunjuk kejayaan kelima. Setakat 2022, walau ada masalah ekonomi akibat kesan wabak dan pascawabak Covid-19, pendapatan isi rumah di Selangor meningkat kepada RM9,983 sebulan.





Jumlah ini melepasi sasaran yang ditetapkan bagi Wilayah Tengah Semenanjung Malaysia dalam Rancangan Malaysia ke-12, yakni RM9,290 sebulan, menjelang 2025.

Selangor menambah baik sasaran untuk menurunkan tahap kemiskinan mutlak dari 0.7 peratus kepada 0.5 peratus melalui usaha secara bersasar. Pada tahun 2022, insiden kemiskinan mutlak tinggal sebanyak 1.5 peratus namun kadar ini masih tinggi berbanding sasaran 0.5 peratus di hujung RS-1.

TEMA 1 PENGUKUHAN EKONOMI

Penunjuk makro	Sasaran	Pencapaian terkini
 Pertumbuhan KDNK tahunan	6.5 - 7.0% (purata 2021-2025)	8.5% (purata 2021-2022)
 Pelaburan yang diluluskan dalam sektor-sektor utama dan berkompleksiti tinggi	RM23-35 bilion (purata 2021-2025)	RM39.4 bilion (purata 2021-2023)
 Pekerjaan	3.5 - 3.8 juta orang (purata 2021-2025)	3.7 juta orang (purata 2021-2022)
 Penembusan jalur lebar tetap	70% (menjelang 2025)	61.6% (2023)

TEMA 2 KESEJAHTERAAN SOSIAL

Penunjuk makro	Sasaran	Pencapaian terkini
 Pendapatan isi rumah penengah	RM9,290 sebulan (menjelang 2025)	RM9,983 sebulan (2022)
 Kemiskinan mutlak	0.5% (menjelang 2025)	1.5% (2022)
 Kemiskinan relatif	11% (menjelang 2025)	14.2% (2022)
 Indeks Kebahagiaan Malaysia (Negeri Selangor)	7.00 (menjelang 2025)	5.74 (2021)

Kerajaan Negeri sedar cabaran-cabaran yang perlu dihadapi untuk mencapai sasaran ini dan berusaha keras untuk memperbaiki keadaan sosioekonomi bagi semua lapisan masyarakat.

Kemiskinan relatif, sasaran kejayaan ketujuh, yang merupakan penunjuk penting dalam ekonomi moden menunjukkan perubahan penting dari tahun ke tahun.

Selangor menyasarkan kemiskinan relatif turun kepada kadar 11.0 peratus menjelang 2025 berbanding 14.2 peratus pada tahun 2022.

Walaupun kemiskinan tegar di negeri ini mencecah 0 peratus pada tahun 2022, lebih banyak usaha bersasar diperlukan untuk menangani kemiskinan mutlak dan relatif bagi menyokong wawasan Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat.

Selangor pada tahun 2021 mencatatkan kedudukan sederhana bahagia dengan indeks sebanyak 5.74, di bawah sasaran kebahagiaan sebanyak 7.00 menjelang tahun 2025.

Di negeri ini, berdasarkan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia, tiga komponen tertinggi adalah keluarga (6.53), amalan kerohanian (6.27) dan penggunaan masa (6.04). Manakala tiga komponen paling rendah pula perumahan dan alam sekitar (5.50), keselamatan awam (5.35) dan pengalaman emosi (5.32).

Kelestarian

Tema ketiga, pemacuan kelestarian, diwujudkan bagi menangani

ancaman bencana. Ia dijayakan melalui 39 PPI dalam lima bidang tumpuan.

Pada peringkat awal RS-1 digubal, Kerajaan Negeri meletakkan sasaran negeri sifar karbon dengan menggunakan indikator pelepasan gas rumah hijau sebagai pemantauan kualiti udara.

Namun laporan Kajian Separuh Penggal RS-1 menjelaskan terma itu diperhalusi lagi dan kemudian diganti dengan partikel halus atau PM2.5.

Indikator itu merujuk zarah halus berdiameter 2.5 mikrometer atau kurang, bahan pencemar paling berbahaya. Zarah halus boleh menembusi paru-paru dan memasuki sistem darah.

Garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) meletakkan purata kepekatan tahunan PM2.5 bagi tempoh 24 jam tidak boleh melebihi 15 mikrogram per meter padu. Sama seperti yang disasarkan Selangor.

Purata tahap pencemaran antara 2021 hingga 2022 masih tinggi, 20.38 mikrogram per meter padu. Namun KSP pelan pembangunan ini menyifatkan penunjuk kejayaan tersebut, sasaran kesembilan, hampir mencapai matlamat.

Selain kualiti udara, jaminan air bersih 24 jam sehari dimasukkan sebagai penunjuk kejayaan seterusnya.

Usaha kerajaan membangunkan loji rawatan air Sungai Rasau di Kuala Langat dan menggantikan paip lama antara usaha mencapai

sasaran tersebut.

Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) pula mengatasi henti tugas loji rawatan akibat pencemaran sumber air untuk jangka panjang dan pendek. Sekali gus, SJAM memastikan kecukupan air mentah dalam menghadapi kemarau.

Sebagai penunjuk kejayaan ke-11, RS-1 mensasarkan 15 peratus kadar kitar semula, namun usaha sama pihak berkuasa tempatan (PBT) membolehkan kadar itu dicapai sebanyak 8.24 peratus setakat tahun lalu.

Seiring aspirasi menjadi negeri rendah karbon, Hutan Warisan Diraja Selangor dan Central Forest Spine Selangor yang baru diwarta mencerminkan tekad untuk menjaga hutan simpanan kekal (HSK) yang kini berada pada tahap 31.7 peratus.

Pencapaian ini lebih baik daripada penunjuk kejayaan ke-12 yang meletakkan sasaran 31 peratus HSK di seluruh negeri.

Pentadbiran

Tema terakhir dengan empat penunjuk kejayaan bertujuan memodenkan sektor perkhidmatan awam dengan mentransformasikan kerajaan agar menjadi lebih bertanggungjawab, berkesan, cekap dan berpaksikan rakyat.

Tumpuan terhadap pendigitalan serta peningkatan kemahiran dan kecekapan yang relevan dengan kerja di seluruh agensi di Selangor adalah penting untuk mencapai

produktiviti yang lebih tinggi dan mengurangkan kerenah birokrasi.

Tadbir urus SMART dan berkesan dijayakan melalui 52 PPI dalam lima bidang tumpuan.

Untuk penunjuk kejayaan rancangan ini, 20 pemacu perubahan RS-1 merentasi keempat-empat tema ini dirancang. Sehingga tahun lalu, pencapaian sasaran ke-13 pada tahap 49 peratus tetapi dijangka berada atas landasan.

Bagi penunjuk kejayaan seterusnya, Kerajaan Negeri mensasarkan semua 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) mencapai sekurang-kurangnya markah 95 peratus dalam Sistem Penarafan Bintang PBT yang dinilai kementerian berkenaan.

Setakat tahun 2023, 10 daripadanya sudah mencapai piawaian ditetapkan.





RS-1 juga meletakkan matlamat mencapai perkongsian khidmat kerajaan digital E2E (hujung ke hujung).

Dilaksana secara dalam talian, perkhidmatan awam boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana.

Kerajaan Negeri meletakkan sasaran 85 peratus tetapi setakat tahun lalu perkhidmatan itu mencapai 82.32 peratus bagi penunjuk kejayaan ke-15.




Ukuran kejayaan terakhir RS-1, tahap kepuasan penduduk terhadap perkhidmatan PBT. Bagi tahun 2023, 89.84 peratus penduduk berpuas hati berbanding sasaran 85 peratus menjelang 2025.

TEMA 3 PEMACUAN KELESTARIAN

Penunjuk Makro	Sasaran	Pencapaian terkini
 Purata Tahunan tahap PM2.5	15.00 µg/m ³ (purata 2021-2025)	20.38 µg/m ³ (purata 2021-2022)
 Ketersediaan air bersih setiap jam dalam sehari	24 Jam (2021-2025)	24 Jam (2023)
 Kadar kitar semula sisa	15% (menjelang 2025)	8.24% (2023)
 Pengekalan liputan Hutan Simpanan Kekal*	31% (menjelang 2025)	31.7% (2023)

* penunjuk baharu

TEMA 4 TADBIR URUS SMART DAN BERKESAN

Penunjuk Makro	Sasaran	Pencapaian terkini
 Kemajuan projek pemacu perubahan RS-1	100% (menjelang 2025)	49% (2023)
 Kedudukan kebangsaan untuk Pihak Berkuasa Tempatan mencapai 95% SSR	12 PBT (menjelang 2025)	10 PBT (2023)
 Perkongsian perkhidmatan kerajaan digital end-to-end	85% (menjelang 2025)	82.32% (2023)
 Tahap kepuasan penduduk terhadap khidmat PBT*	85% (menjelang 2025)	89.84% (2023)

* penunjuk baharu



Amirudin mengumumkan bantuan RM1 juta Skim Ceria Indah bagi mengecat PPR Pandan Indah semasa ucapan perasmian di Padang Awam Pandan Jaya pada 24 Februari



Borhan, Mohd Kamri (dua, kiri) dan Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Datin Paduka Mastura Muhamad bermesra dengan kanak-kanak di Ampang Jaya pada 5 Mei



Dato' Menteri Besar bersama Izham (dua, kanan) dan Borhan (dua, kiri) menyentuh skrin digital ketika perasmian program rewang di Ampang Jaya pada 24 Februari



EXCO perumahan berucap melancar Program Didik Selangor sempena Rewang Aidilfitri di Ukay Perdana, Ampang Jaya pada 5 Mei. Sebuah perpustakaan mini bernilai RM130,000 dibina menerusi program itu



Tiga penduduk melapah daging lembu dalam aktiviti Rewang Komuniti Strata di Shah Alam pada 8 Jun. Acara dua hari itu dimeriahan dengan sukaneka, majlis berendoi dan kenduri rakyat



Pendakwah Datuk Siti Nor Bahyah Mahmood dan suaminya Wan Akashah Wan Abdul Hamid berkongsi nasihat mengenai topik kekeluargaan di Padang Awam Pandan Jaya pada 24 Februari



Dato' Menteri Besar berucap di hadapan pelajar Asrama Yayasan Selangor, Klang sempena Rewang Sahur pada 23 Mac. Seramai 268 pelajar dan guru menghuni asrama berkenaan



Kumpulan pelajar perempuan Asrama Yayasan Selangor ceria menunggu bersahur. Yayasan tersebut menyumbang duit raya kepada pelajar dalam rewang itu



Penduduk wanita memotong daging beramai-ramai di Padang Awam Pandan Jaya pada 24 Februari. Sebanyak dua ekor lembu disediakan untuk program berkenaan



Sekumpulan kanak-kanak tidak melepaskan peluang bermain karam yang disediakan di pekarangan PPR Kampung Baru Hicom, Shah Alam pada 8 Jun



Petugas memeriksa kesihatan wanita di PPR Kampung Baru Hicom, Shah Alam pada 8 Jun. Jabatan Kesihatan Negeri antara agensi yang turun padang memeriahkan rewang di situ

Rewang amalan sejak zaman-berzaman bagi memupuk semangat gotong-royong, kebersamaan dan hubungan muhibah dalam masyarakat Melayu. Kerajaan Negeri menerusi jawatankuasa diterajui EXCO Perumahan Borhan Aman Shah menghidupkan semula tradisi itu di beberapa lokasi, khususnya di projek perumahan rakyat (PPR). Program itu bermula dengan Rewang Komuniti Strata pada 24 dan 25 Februari di Padang Awam Pandan Jaya, Ampang Jaya. Majlis tersebut dirasmikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari. Program itu diikuti Rewang Sahur di Asrama Yayasan Selangor, Klang (23 Mac), Rewang Komuniti Strata di Ukay Perdana, Ampang Jaya (5 Mei) dan PPR Kampung Baru Hicom, Shah Alam (8 Jun). Turut serta EXCO negeri Ir Izham Hashim dan Timbalan Speaker Dewan Negeri Mohd Kamri Kamarudin. Selain gambar Facebook Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Facebook Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, jurufoto FIKRI YUSOF, NUR ADIBAH AHMAD IZAM, HAFIZ OTHMAN dan REMY ARIFIN merakam kemeriahan program berkenaan. Keterangan oleh HAFIZAN TAIB.



Penghuni PPR Kampung Baru Hicom, Shah Alam bergotong-royong memotong sayur pada 8 Jun. Juadah 4,000 pengunjung dimasak dalam rewang berkenaan



Pengunjung teruja bermain batu seremban di rewang Ampang Jaya pada 24 Februari. Permainan tradisi lain di majlis ini antaranya sepak raga bulatan dan baling tin



Dua remaja berebut bola sewaktu pertandingan futsal ketika program rewang di Padang Awam Pandan Jaya, Ampang Jaya pada 24 Februari



Kanak-kanak leka mewarna ketika pertandingan dalam Rewang Komuniti Strata Ampang Jaya pada 24 Februari. Acara disertai 100 kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun

Siapa takluk Eropah?



Oleh NAZLI IBRAHIM

Spanyol menempah tiket ke perlawanan akhir Kejohanan Bola Sepak Eropah (Euro) 2024 selepas bangkit menewaskan Perancis 2-1 di Allianz Arena, Munich pada 9 Julai.

Ketinggalan 0-1 menerusi tandukan penyerang Randal Kolo Muani pada minit ke-12, juara berganda edisi 2008 dan 2012 itu tenang mencipta dua gol menerusi Lamine Yamal dan Dani Olmo dalam tempoh empat minit pada pertengahan babak pertama.

Lebih membanggakan gol penyamaan Yamal pada minit ke-21 menobatkan beliau sebagai pemain termuda menjangkau gol Euro pada usia 16 tahun.

Sepanjang 25 hari kejohanan, skuad bimbingan Luis De La Fuente cemerlang selepas menang semua perlawanan saingan kumpulan tanpa bolos.

Kemenangan terbesar juara kumpulan B itu menumbangkan Croatia 3-0 dalam perlawanan pertama diikuti kejayaan membelasah Georgia 4-1 pada pusingan 16 terbaik.

Spanyol turut menyingkirkan

tuan rumah Jerman 2-1 di suku akhir walaupun terpaksa beraksi 10 pemain selepas Dani Carvajal diperintah keluar padang pada penghujung masa tambahan.

Olmo juga menyumbang tiga daripada 13 gol Sepanyol sepanjang kejohanan ini. Kehebatan skuad berkenaan meletakkannya sebagai pilihan utama menjulang piala Euro 2024.

Tebus kecewa

Menanti La Roja adalah pemenang antara Belanda dan England sebelum edisi Euro ke-17 melabuhkan tirainya di Olympiastadion, Berlin pada 15 Julai.

England pastinya mahu menebus kekecewaan tewas kepada Itali menerusi sepakan penalti 2-3 di laman sendiri di Wembley, London tiga tahun lalu.

Di sebalik prestasi kurang meyakinkan pada peringkat kumpulan, The Three Lions hanya mengumpul lima mata sebelum mara ke separuh akhir hasil kebangkitan mengagumkan menewaskan Slovakia dan Switzerland.

Bintang Real Madrid Jude Bellingham terus menjadi tumpuan

untuk membawa pasukan kendalian Gareth Southgate sekali lagi ke pentas akhir dibantu Harry Kane dan Phil Foden.

Bertemu The Oranje, England tidak mahu impian menjulang trofi Euro pertama berakhir di Signal Iduna Park, Dortmund pada 11 Julai.

Selepas tewas 2-3 kepada Austria dalam aksi kumpulan D, Belanda kembali mempamer persembahan mantap pada peringkat kalah mati menewaskan Romania 3-0 dan Turkiye 2-1.

Gandingan Cody Gakpo, Xavi Simons dan Memphis Depay menjadi harapan Ronald Koeman ke pentas akhir untuk bertemu Sepanyol sekali gus mengulangi pertembungan perlawanan akhir Piala Dunia 2010 di Afrika Selatan.

Ketika itu, jaringan tunggal Andres Iniesta pada minit ke-116 memisahkan kedua-dua pasukan selepas bertarung selama 120 minit di Stadium Soccer City, Johannesburg.

Pernah bergelar juara Piala Euro menewaskan Kesatuan Republik Sosialis Soviet (USSR) pada edisi 1988, Belanda berhasrat mengulanginya sekali lagi di bumi Jerman.



PEMENANG EURO SEJAK 1960

1960: Kesatuan Soviet
 1964: Sepanyol
 1968: Itali
 1972: Jerman
 1976: Czechoslovakia
 1980: Itali
 1984: Perancis
 1988: Belanda
 1992: Denmark
 1996: Jerman
 2000: Perancis
 2004: Greece
 2008: Sepanyol
 2012: Sepanyol
 2016: Portugal
 2020: Itali

Cukai tingkat prestasi

Oleh NADIAH ZAMLUS

Pihak berkuasa tempatan (PBT) membelanjakan 50 peratus hasil kutipan cukai untuk pengurusan sisa pepejal dan kerja-kerja pembersihan awam. Kira-kira 30 peratus lagi untuk membangunkan dan menyelenggara prasarana.

Kos pengurusan pula menelan belanja 18 peratus daripada setiap RM1 cukai. Walau perbelanjaan ini sentiasa meningkat saban tahun, sudah puluhan tahun semua 12 PBT di Selangor tidak menaikkan cukai taksiran.

Selain itu, Kerajaan Negeri setiap tahun bermurah hati mengecualikan cukai kepada lebih 400,000 unit rumah kampung dan kos rendah sejak 2016 bagi mengurangkan beban kepada golongan berpendapatan rendah.

Tanpa kutipan cukai baharu, PBT tentu sukar menyediakan perkhidmatan yang semakin bertambah pada masa depan. Jika semakan cukai terus tertangguh, pastilah kerja-kerjanya terjejas dan akhirnya menyusahkan orang ramai.

Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) baharu sahaja mengenakan bayaran mulai 1 Januari tahun ini setelah 39 tahun tiada kenaikan — PBT paling lama tidak membuat semakan di Selangor.

Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) pula tidak menaikkan cukai taksiran masing-masing selama 37 tahun.

Tempoh tanpa semakan paling pendek, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Ia menaikkan cukai terakhir pada 2006 atau 18 tahun lalu. Lapan lagi PBT tidak membuat semakan antara 27 hingga 32 tahun lalu.

Selain pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, dana yang dikutip PBT digunakan untuk, antaranya, kawalan penyakit, urusan saliran, pengindahan bandar dan kendalian lalu lintas.

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) memaklumkan kepada Selangorkini, peningkatan kos pengurusan dalam situasi ekonomi semasa menyebabkan mereka terpaksa menanggung perbelanjaan yang tinggi.

"Kami perlu membelanjakan RM3 berbanding cukai yang dikutip hanya RM1 untuk setiap rumah. Contohnya, peningkatan yuran penyelenggaraan juga menyebabkan MPKS perlu menanggung kos pengurusan sisa pepejal yang tinggi," kata PBT itu.

Lima tahun

Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK), yang dinaik taraf pada 23 November lalu, misalnya merancang menyediakan tebatan banjir di Taman Sri Kerayong, Taman Klang Utama dan Taman Sungai Kapar Indah.

MBDK juga merancang pembinaan laluan kedua kawasan industri Telok Gong dan Kompleks Sukan

Klang Utara di Bandar Bukit Raja.

Kawasan majlis bandar raya tersebut pesat membangun dengan penduduk padat tetapi cukai taksirannya tidak dinilai semula selama 31 tahun, kali terakhir disemak pada 1993.

Jumlah bayaran cukai taksiran, atau cukai pintu, bagi setiap PBT berbeza-beza bergantung pada nilai hartanah di sesuatu kawasan dan jumlah sewaan yang dianggarkan bagi setiap jenis hartanah.

Kawasan yang menjadi tumpuan pembangunan dan padat penduduk seperti Petaling Jaya, Subang Jaya dan Shah Alam misalnya tentu lebih tinggi daripada Sabak Bernam atau Hulu Selangor.

Dikuatkuasakan bawah Seksyen 127 Akta Kerajaan Tempatan 1976, cukai taksiran boleh dinilai setiap lima tahun atau tempoh lebih lama selepas mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.

Seperti diumumkan EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim pada 29 Mei, Selangor menetapkan kadar maksimum 25 peratus cukai taksiran di semua PBT.

Jadual di sebelah menunjukkan contoh pengiraan jumlah cukai taksiran tahunan bagi tiga jenis hartanah termasuk kediaman dan bangunan. Cukai tersebut dikira menggunakan anggaran kasar sewa tahunan.

Jumlah sewaan itu pula ditetapkan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta setiap pihak berkuasa tempatan. Kadar peratusan cukai diluluskan Kerajaan Negeri selepas menerima cadangan daripada PBT.

Bantahan

Cara kiraannya, sewa kasar setahun didarab dengan kadar cukai taksiran. Jumlah kiraan itulah cukai yang perlu dibayar penduduk kepada PBT setiap tahun. Cara pengiraan juga sama bagi cukai taksiran bangunan.

Namun bagi tanah kosong, ia tertakluk kepada nilai pasaran semasa. Misalnya keluasan tanah 5,000 meter persegi dan nilai pasaran semeter persegi adalah RM4,000. Ertinya, harga pasaran tanah tersebut RM20 juta.

Jika kadar cukai taksiran bagi tanah kosong ialah 5 peratus, RM20 juta didarab dengan kadar berkenaan. Jumlah cukai taksiran yang perlu dibayar adalah RM10,000.

Cukai tahunan juga boleh berbeza walau jenis hartanah itu sama kategori jika keluasan lantai

CONTOH KIRAAN CUKAI TAKSIRAN KEDIAMAN MBDK

Sewa kasar setahun RM500 x 12 bulan = RM6,000

Kadar cukai 4 peratus

CUKAI TAKSIRAN SETAHUN RM6,000 x 4 peratus = RM240

CONTOH KIRAAN CUKAI TAKSIRAN BANGUNAN MPKS

Sewa kasar setahun RM220 x 12 bulan = RM2,640

Kadar cukai 4 peratus

CUKAI TAKSIRAN SETAHUN RM2,640 x 4 peratus = RM105.60

CONTOH KIRAAN CUKAI TAKSIRAN TANAH KOSONG MBSJ

Keluasan tanah 5,000 meter persegi

Harga pasaran semeter persegi RM4,000

Harga pasaran tanah RM2,000,000

Nilai tahunan (10 peratus daripada harga pasaran) RM200,000

Kadar cukai 5 peratus

CUKAI TAKSIRAN SETAHUN RM10,000

telah diubah suai atau ditambah.

Namun, menurut Seksyen 142 Akta Kerajaan Tempatan 1976, setiap pemilik harta berhak mengemukakan bantahan bertulis kepada PBT. Bantahan ini akan diproses melalui pendengaran awam yang ditetapkan tarikhnya.

Misalnya Majlis Perbandaran Selangor (MPS) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) masing-masing menerima lebih 40,000 dan 20,000 bantahan selepas tamat tempoh 31 Mei.

Pendengaran awam MPS bermula 1 Julai tetapi MPAJ mulai 24 Jun lagi. Selangor tidak menyemak cukai taksiran selama 32 tahun, sementara Ampang Jaya pula 27 tahun.


Bagaimanapun Kerajaan Negeri menetapkan dasar membantu pemilik harta yang berpendapatan rendah.

Satu daripada kira-kira 50 program kebajikan Iltizam Selangor Penyayang, dasar ini menelan kos RM500 juta.

Menurut Laporan Pencapaian dan Prestasi Kerajaan Negeri Selangor 2018-2023, pengecualian cukai memberi manfaat kepada lebih 2.5 juta pemilik kediaman kos rendah dan rumah kampung.

Selepas pilihan raya umum negeri pada Ogos tahun lepas, Kerajaan Negeri mengumumkan pengecualian cukai taksiran kepada 426,656 rumah kos rendah dan kampung dengan implikasi kewangan RM29.415 juta.

Pengecualian ini untuk tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2023.





Siapa harus dibela?

Oleh ALIFF AWAN
Iilustrasi FAHMI MUSTAFFA

Saya baru tiba di hadapan rumah Encik Sasha. Betul, Sasha adalah seorang Encik. Ketika mengetahui panggilannya begitu, saya sedikit pun tak ragu kerana saya pun bahasakan diri Puan. Apalah nak dipedulikan, gelaran saja pun.

Tapi, di hati kawan saya, Mus, dia tak gemarkan keterbalikan panggilan sebegini. Kata dia, ini lebih jijik daripada najis. Maka, saya pun kata, "Panggillah aku najis, *then*." Dia terkekeh-kekeh sebab tahu kalau bercakap dengan saya, sudah tentu sebenarnya buah fikiran dia yang sering terbalik.

Ketika mahu terbang ke Petra Jaya, Mus yang paling marah. Pura-pura merajuk, dia terus menyilang tangan dan mencebik, "Kau kalau nak bela sangat, dekat Semenanjung ni pun bersepah. Aku sanggup beli satu, kemudian lepas sehari aku akan pura-pura tak nak bela dah dan jual dekat kau. Tak payah sampai nak *fly* ke sana."

"Itulah masalahnya, Mus. Aku memang nak bela, tapi kau pun tahu aku takkan bela sembarangan," cuba memujuk.

Mengajuk gaya dan cakap saya, Mus lalu menyenaraikan kata-kata saya dulu, "Kucing tu mestilah berani. Kucing tu mestilah cantik. Kucing tu perlulah terima aku yang nak dipanggil sebagai Puan."

Saya pun berdekah dan memujinya, "Pandai pun!"

"Tapi, mana boleh kucing tu panggil kau Puan. Dia kan mengiau aje."

"Apa pula tak boleh, kita yang buat dia."

Sambil-sambil dia masih marahkan saya sebab ingatkan penerbangan ini akan memisahkan kami, kapal terbang pun tiba. Di hadapan, orang ramai telah beratur untuk duduk. Telefon kerap dipandang dan nampaknya Mus sikit pun tak peduli nak cakap "Leklok!" sampailah pengumuman penggunaan gajet tak dibenarkan, telefon diwatatkan, tayar kapal terbang mula menggerakkan kenderaan, Mus tetap tak ada tanya apa.

Teringatkan "Puan" yang tersemat di dada, saya pun lantakkan aje.

Pintu rumah Encik Sasha terbuka sendiri. Dengan senyuman teruja, saya masuk tidak berhati-hati. Tiba-tiba, ada ngauman kucing yang jauh sekali daripada ngiauan manja. Bunyi itu serupa taring yang patah, putuslah lidah seekor rimau di Zoo Negara.

Terkejut saya nampaknya Encik Sasha perasan, jadi dia lukiskan senyuman dan kata jangan risau. Jelas dia, kucing dekat rumah ni memang lain machiam sikit. Kemudian, dia ketawa malu sambil tutup-tutup mulut.

Memahami semua ini, saya pun angguk. Dalam kepala saya, "Kalau manusia pun ada beza-beza, apalah setakat kucing. Akhirnya, semua ciptaan Tuhan juga. Perbezaanlah yang memeriahkan hidup."

Sebaik saja duduk, xoxo terus melompat ke atas riba saya. Kepalanya menggeser-geser seluar, meninggalkan bulunya yang cepat gugur. Tapi, soalan paling besar saya kepada tuan asalnya adalah, "Memang dia ramah macam ni ke?"

Encik Sasha tertawa kecil. Kata dia, xoxo paling tak minat bergaul dengan orang. Kata dia lagi, xoxo dengan kucing lain pun dia tak bergaul sangat. Tapi, dia akan sangat rapat dengan tuannya. Dan, kebetulan dia bijak. Jadi, sebelum awak sampai tadi, saya beritahu dia akan dibela oleh tuan baru dari Semenanjung dan saya tunjukkan gambar awak. Dia pun miao tanda faham. Sekarang, tahu-tahu dia dah beriman kepada awak.

Suara Mus muncul di telinga. "Tapi, kau nak kucing yang berani bukan manja, kan?" Soalnya.

Betullah ingatan Mus itu, tapi sekarang ada perkara yang lebih penting. Ada anjing tengah sibuk wuf wuf di luar dan ia mengganggu keamanan kami di dalam rumah ini untuk berborak dan untuk menyambung urusan niaga. xoxo tak boleh rileks, jadi dia terus keluar dan mengaum. Ya, mengaum kepada anjing tersebut. Macam kucing yang mengaum bila saya sampai di rumah ini tadi. Jadi, anjing pun kecut, terdiam dan memecut ke tempat lain.

Oh, sayangkan xoxo. Mak love!

Kucing bertompok putih itu pun kembali mendekati saya. Dia melompat ke atas riba dan baring semula. Sambil-sambil menguap, matanya hampir terlelap.

Dari kerusinya, Encik Sasha keluarkan sehelai kertas. Dia kata ini borang perjanjian yang saya akan menjaga kucing ini elok-elok. Malah, semua maklumat telah tercatat di situ. Nama, umur, asal lahir, Munchkin dan jumlah bayaran. Macam surat beranak, tapi itu hal lain. Saya akan peroleh surat beranak itu nanti. Yang Encik Sasha keluarkan ini macam *mock up* sijil lahir.

Sambil-sambil membaca segala akur janji, Encik asal Miri itu bertanya apa nama baru untuk kucing yang akan diambil ini? Saya kata xoxo. Jawapan sama diberikan kepada Mus. Bila Mus tanya kenapa, saya kata mudah saja. Dalam gambar, kucing ini nampak macam bantal yang selesa dipeluk. Kalau dipeluk, ia pasti akan menurunkan segala beban di bahu, mengurangkan rasa berat di badan dan akhirnya, menenangkan segala serabut di dada. Dan ternyata, xoxo memang begitu. Dia yang bermanja-manja di atas riba saya ini pun dah cukup untuk buat saya berasa lebih baik. Cantik!

Syukur dan setuju atas segala akur janji yang mudah, Encik Sasha pun hulurkan pen untuk saya turunkan tandatangan. Ketika itu juga, xoxo dimasukkan ke dalam sangkar supaya lebih mudah untuk dibawa menaiki kapal terbang.

Nampaknya, tiada halangan untuk kami tiba di Kuala Lumpur. Mus yang jemput kami di lapangan terbang. Sebaik saja saya keluar dengan xoxo yang diam tak miao-miao di dalam sangkar, Mus dah melompat-lompat gembira. Dia terus peluk saya dan bergurau manja dengan xoxo. Kami berjalan ke kereta. Ketika itu, langkah saya dah tak betul. Kepala berpinar. Saya syak ini mungkin mabuk kapal terbang.

"Amacam *trip* kau?" Soal Mus.

"Ngam jugalah. *Smooth* sebenarnya. Aku datang, tandatangan, bayar dan balik."

Ketika itu, saya dah tak boleh pura-pura selesa. Jadi, terus berlari ke tong sampah terdekat dan muntahkan nasi lemak santan yang dimakan tadi.

Mus dah tak boleh duduk diam sebab orang sibuk memandang. Dari dalam sangkar, xoxo tak mengiau sikit pun. Dia cuma memandang saya sehingga titisan cecair terakhir keluar dari rongga mulut. Sebaik saja saya mengangkat muka dan berpaling, xoxo pun mengiau dan ia disusuli dengan "Puan Karl, *are you okay?*"

Saya memandang Mus memandang saya. Kemudian, dia pula yang muntah ke dalam tong sampah yang sama.

Cerpen, esei dan sajak boleh diikuti pada setiap minggu menerusi pautan selangorkini.my/category/rencana-bm/





Prof Dr Ahmad Muhammad menyampaikan buku kepada Anwar sempena Majlis Ilmu Madani di Kompleks Perdana Putra pada 3 Julai. Hadir sama Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Perkukuh daya tahan ekonomi

BRICS tingkat prestasi dagangan

SHAH ALAM - Hubungan baik Malaysia dengan negara anggota BRICS iaitu Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan dijangka membantu negara ini menjadi rakan kongsi pada kadar pantas.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Malaysia akan dikenali sebagai negara rakan kongsi BRICS meskipun penyertaan negara itu belum dimuktamad.

"Kita rasa memang ada kebijaksanaan dan keperluan untuk kita bersama dalam kerangka BRICS yang baharu ini," katanya di Dewan Rakyat pada 9 Julai.

Beliau menjawab soalan tambahan Lee Chuan How (HARAPAN-Ipoh Timor)

berkenaan mekanisme kerajaan supaya penyertaan dalam BRICS memberi manfaat kepada negara.

Menegaskan penyertaan itu tidak bercanggah dasar luar negara, Anwar menjelaskan kerajaan mengambil pendekatan sebagai negara bebas dan menjalinkan hubungan dengan semua pihak.

Menurut Anwar, penyertaan dalam BRICS membawa manfaat khususnya dalam meningkatkan prestasi perdagangan dan eksport serta mengukuhkan daya tahan ekonomi.

"BRICS sememangnya ada potensi besar untuk menjadi kuasa ekonomi

dunia, ini tentu membawa kebaikan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam jangka panjang," katanya.

Pada 18 Jun, Anwar mengesahkan menyatakan hasrat untuk menyertai organisasi antara kerajaan, BRICS kepada Presiden Brazil Luiz Inacio Lula da Silva.

Ditubuh pada 2009, BRICS menjadi wadah kerjasama untuk ekonomi yang pesat membangun mencakupi Brazil, Rusia, India dan China dengan Afrika Selatan menyertai blok itu setahun kemudian.

Pada 2024, Iran, Mesir, Ethiopia dan UAE menyertai BRICS sebagai ahli baharu.

PLKN pertengahan tahun depan

SHAH ALAM - Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 dengan konsep dan format baharu dijadual bermula Jun atau Julai tahun depan, kata menteri pertahanan.

Menyatakan ia terdiri tiga fasa, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata pra-PLKN dibuat untuk pelajar tingkatan empat, PLKN asas kepada remaja 17 tahun dan ke atas selain latihan lanjutan.

Beliau memberitahu pra-PLKN di-

jalankan dalam kegiatan ko-kurikulum manakala PLKN asas diadakan di 13 kem Askar Wataniah seluruh negara, 20 universiti awam dan beberapa politeknik.

"Projek rintis PLKN asas bermula pada Jun atau Julai 2025 melibatkan dua kem wataniah dengan sasaran 1,000 peserta.

"PLKN asas dijangka bermula pada April 2026 selama 45 hari manakala PLKN asas di institusi pengajian tinggi

awam bermula pada pengambilan pelajar sesi akademik 2026/2027," katanya.

Khaled menjawab soalan Ahli Parlimen Jeli Zahari Kechik berkaitan status pelaksanaan semula PLKN di sidang Dewan Rakyat pada 10 Julai.

Beliau juga memberitahu remaja berusia 17 tahun dan ke atas dipilih menjalani latihan merangkumi 30 peratus modul asas kenegaraan dan latihan asas ketenteraan (70 peratus).

Latih imam di Universiti Al-Azhar

SHAH ALAM - Universiti Al-Azhar menawarkan latihan dengan tajaan penuh kepada 25 imam terpilih dari negara ini mulai tahun ini.

Sheikh Al-Azhar Prof Dr Ahmad Muhammad Ahmad At-Tayyeb memberitahu program itu diadakan sama ada secara dalam talian atau bersemuka di Kaheerah, Mesir, lapor Bernama.

Pengumuman itu dibuat beliau dalam sesi kunjungan hormat bersama ahli lembaga pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di ibu negara pada 5 Julai.

Prof Dr Ahmad Muhammad mengadakan lawatan khas empat hari mulai 2 Julai ke Malaysia atas undangan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Sheikh Al-Azhar yang berstatus perdana menteri mengikut Perlembagaan Mesir di Istana Negara pada 4 Julai.

Sheikh Al-Azhar turut menerima anugerah ijazah kehormat doktor falsafah Pengajian Quran dan Sunnah daripada Universiti Sains Islam Malaysia.

Perinci elaun pelajar tingkatan enam

SHAH ALAM - Kementerian Pendidikan memperinci cadangan menyediakan elaun kos sara hidup untuk pelajar dan guru penolong kanan tingkatan enam sebelum dibawa ke peringkat belanjawan negara.

Menterinya Fadhlina Sidek berkata langkah itu antara usaha penjenamaan pendidikan tingkatan enam selain memastikan kualiti pendidikan itu diperluas dan dipertingkatkan, lapor Bernama.

"Antara inisiatif yang kita ingin beri tumpuan ialah melihat sudut elaun mereka, peranan pentadbiran kolej tingkatan enam," katanya pada 4 Julai.

Pindaan tangani kes tipu dalam talian

SHAH ALAM - Pindaan Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) dan Kanun Keseksaaan (Akta 574) dibuat bertujuan memastikan jenayah siber termasuk akaun keldai dan penipuan dalam talian ditangani.

Menteri undang-undang dan reformasi institusi berkata pindaan itu termasuk tindakan terhadap pihak yang membenarkan akaun bank mereka digunakan pihak lain tanpa kuasa sah, lapor Bernama.

Menurut Datuk Seri Azalina Othman Said, ia bagi menangani akaun keldai selain memberi kuasa kepada pegawai penyiasat untuk mengarahkan sitaan akaun bank yang terlibat dalam jenayah itu.

"Ia juga memudahkan polis menjejak wang bagi mengenal pasti wang mangsa yang ditipu, secara tidak langsung ia membuka ruang untuk pemulangan (semula) wang ini kepada mangsa," katanya.

Rampasan diesel turun 87 peratus

SHAH ALAM - Penyasaran subsidi diesel mulai 10 Jun menyaksikan penurunan rampasan minyak diesel 87 peratus, kata menteri perdagangan dalam negeri dan kos sara hidup.

Datuk Armizan Mohd Ali memberitahu aliran penurunan itu berdasarkan perbandingan 20 hari sebelum dan selepas pelaksanaan subsidi bersasar, lapor Bernama.

Beliau menjelaskan 65 kes rampasan diesel 520,803 liter dibuat antara 20 Mei hingga 9 Jun manakala 14 lagi melibatkan 68,457 liter bagi tempoh 10 Jun hingga 30 Jun.

"Bilangan individu yang ditahan bersabit kes diesel juga berkurangan dalam tempoh sama iaitu daripada 40 orang kepada seorang sahaja.

"Perbandingan ini menunjukkan berlaku penurunan kes yang signifikan," katanya dalam kenyataan pada 4 Julai.

Covid-19: Tiada lagi kuarantin rumah

SHAH ALAM - Individu positif Covid-19 tidak lagi dikenakan kuarantin di rumah dan tidak perlu melapor status ujian sendiri dalam aplikasi MySejahtera berkuat kuasa 15 Julai.

Menurut Kementerian Kesihatan, mereka akan dirawat sama seperti jangkitan saluran pernafasan lain tetapi digalakkan memakai pelitup muka, kekal di rumah dan mengelak tempat sesak.

Kenyataan berkenaan juga mengingatkan individu yang positif berupaya menyebarkan jangkitan dan disaran mengambil langkah kawalan dan pencegahan jika perlu keluar rumah, lapor Bernama.

Mereka perlu mendapatkan pemeriksaan lanjut jika gejala berterusan atau bertambah teruk dan diberi cuti sakit dan dirujuk ke hospital jika perlu berdasarkan penilaian pegawai kesihatan.

Kes demam denggi naik, lima maut

SHAH ALAM - Kes demam denggi naik kepada 2,788 kes antara 23 hingga 29 Jun berbanding 2,438 kes pada minggu sebelumnya selain lima kematian berlaku akibat komplikasi denggi.

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, kumulatif kes minggu epidemiologi (ME) ke-26 itu adalah 75,263 kes berbanding 59,057 bagi tempoh sama tahun lalu.

"Terdapat 60 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding 40 kematian bagi tempoh sama pada 2023," kata beliau dalam kenyataan pada 9 Julai.

Katanya, 61 lokaliti denggi dikesan di Selangor, Perak (lima), Kedah (empat), Negeri Sembilan (tiga), Wilayah Persekutuan (dua) dan satu di Sarawak dan Pulau Pinang.

Bahaya dadah jadi sukatan pelajaran

SHAH ALAM - Pendidikan khusus berkaitan bahaya penyalahgunaan dan penagihan dadah perlu dimuatkan dalam sukatan mata pelajaran pada peringkat sekolah, kata ahli parlimen Gombak.

Dato' Seri Amirudin Shari yang juga Dato' Menteri Besar percaya pencegahan anak muda daripada terlibat kancah dadah dapat dibuat dengan lebih meluas melalui bidang pendidikan.

Katanya, taraf pendidikan kira-kira 83,000 daripada 145,000 penagih dadah tahun lalu hanya Penilaian Menengah

Rendah (PMR) dan ke bawah berdasarkan laporan Agensi Antidadah Kebangsaan.

"Saya berharap sukatan mata pelajaran tentang penagihan dadah mula dimasukkan pada peringkat sekolah supaya pencegahan dapat kita lakukan lebih meluas," katanya.

Beliau menyertai sesi perbincangan Rang Undang-Undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 di Dewan Rakyat pada 4 Julai.

Pernah memimpin Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam)

Selangor selama 10 tahun, Amirudin berkata penagihan dadah mendorong pelakuan jenayah lain antaranya curi dan bunuh.

Beliau juga mencadangkan proses pemulihan dalam kalangan penagih diselaraskan berikutan pelbagai pendekatan digunakan termasuk berbentuk kerohanian, psikologi dan perubatan.

"Peranan semua pihak termasuk masyarakat, ibu bapa dan keluarga penting khususnya lanjutan selepas proses pemulihan bagi anak yang terlibat dadah," katanya.

Sedia dana RM950 juta

Pulihara sungai, atasi risiko banjir

SHAH ALAM - Dana RM950 juta diperuntukkan bagi memulihara sungai untuk mengurangkan risiko banjir selain kerja kecemasan luar jangka dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof memberitahu sebanyak RM410 juta diperuntukkan bagi memulihara sungai seterusnya mengurangkan risiko banjir di setiap negeri.

Beliau menjelaskan Jabatan Pengaliran Saliran (JPS) turut menyey-

diakan RM540 juta untuk kerja keemasan bertujuan memelihara struktur yang rosak akibat banjir.

"Bagaimanapun, agihan peruntukan berdasarkan keperluan semasa setiap negeri," katanya yang juga menteri peralihan tenaga dan transformasi airnya itu di Dewan Rakyat pada 9 Julai.

Menurut Fadillah, pengurusan sistem saliran perparitan diurus pelbagai pihak termasuk JPS, pihak berkuasa tempatan (PBT), pejabat daerah, Jabatan Kerja

Raya dan agensi berkaitan.

"Tanggungjawab membina dan menyenggara parit bawah PBT tetapi Kementerian sentiasa bekerjasama dengan agensi berkaitan dalam memastikan sistem saluran berfungsi dengan baik.

"Sistem saluran buatan atau perbandaran bawah tanggungjawab PBT manakala sistem semula jadi melibatkan sungai dan anak sungai bawah tanggungjawab JPS," katanya.

Sedia 4,000 ruang niaga baharu

SHAH ALAM - Peruntukan RM100 juta disalurkan bagi menyediakan 4,000 unit ruang niaga di seluruh negara, kata Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Aiman Athirah Sabu.

Beliau memberitahu berkata inisiatif MyKiosk 2.0 itu bertujuan meningkatkan taraf ekonomi peniaga kecil melalui penyediaan ruang niaga yang kondusif, seragam di lokasi tumpuan awam.

Katanya, sebanyak 2,977 unit disediakan membabitkan peruntukan

RM74.4 juta yang disalurkan menerusi 83 pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negara setakat bulan lalu, lapor Bernama.

"Usaha ini diyakini mampu memperkasakan golongan terlibat, membantu menambah kegiatan dan meningkatkan daya ekonomi setempat," katanya.

Beliau menjawab soalan Ahli Parlimen Tanjong Karang Kapten (B) Datuk Dr Zulkafperi Hanapi yang ingin tahu perkembangan pelaksanaan MyKiosk di

Dewan Rakyat pada 4 Julai.

Aiman Athirah menjelaskan program tersebut mendapat sambutan baik daripada peniaga kecil berikutan 3,189 MyKiosk dimanfaatkan sejak diperkenalkan tahun lalu melalui dana RM50 juta.

Beliau menambah MyKiosk 2.0 melalui beberapa aspek penambahbaikan spesifikasi ruang niaga termasuk reka bentuk, struktur bahan lebih bermutu dan penggunaan panel solar.

Perjelas pencapaian ekonomi

SHAH ALAM - Kegagalan mengetengah pencapaian ekonomi antara faktor kekalahan calon Pakatan Harapan (HARAPAN) dalam pilihan raya kecil (PRK) Sungai Bakap.

Sebaliknya, Pengarah Eksekutif Iltam Centre Muhamad Hisomuddin Bakar berkata isu Blackrock, penyasaran subsidi diesel, kuota matrikulasi dan kos sara hidup lebih mempengaruhi pengundi.

"Penerangan jentera parti HARAPAN dengan Barisan Nasional (BN) mahu-

pun kerajaan kelihatan lemah dan tidak berkesan untuk menepis sentimen yang dibawa pembangkang.

"Setiap isu gagal disampaikan sampai ke dasar lubuk hati pengundi walaupun HARAPAN meletak calon berwibawa jika dibandingkan dengan calon lawan," katanya kepada Selangorkini.

Beliau memberitahu HARAPAN perlu memperkemas sistem penyampaian dan komunikasi supaya penerangan berkaitan isu nasional terutama ke-

jayaan ekonomi diperjelas kepada rakyat.

"Dalam masa ini, pencapaian negara perlu diketengah. Pada fasa pemulihan negara, ia memakan masa dan perlu disampaikan dengan berkesan kepada kumpulan ini (pengundi)," katanya.

Pada 6 Julai, Perikatan Nasional mempertahankan kerusi Sungai Bakap apabila calonnya Abidin Ismail menang dengan majoriti 4,267 undi, menewaskan Dr Joohari Ariffin yang meraih 10,222 undi.



Abd Karim (empat, kanan) bersama Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Zahri Samingon (tengah) menyampaikan tiket Piala Sultan Selangor kepada wakil Akademi Bolasepak MBPJ sempena siri jelajah promosi dan penyerahan tiket kejohanan di Dewan Sivik, Petaling Jaya pada 9 Julai. Foto HAFIZ OTHMAN

Buka taman rekreasi di Seksyen 14

Tarikan baharu peminat kucing

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) membuka Taman Rekreasi Kucing Catopia Shah Alam di Taman Permainan Dataran Kemerdekaan, Seksyen 14 di sini.

Menurut Datuk Bandar Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim, taman itu dibuka percuma dari 10 pagi hingga 7 malam hingga 31 Disember sebelum bayaran dikenakan mulai Januari tahun depan.

"MBSA pihak berkuasa tempatan

pertama di Malaysia yang membina taman rekreasi kucing berkonsep kawasan permainan luar bagi kucing peliharaan.

"Taman ini bertujuan menyediakan kemudahan kepada pemilik untuk membebaskan haiwan peliharaan bermain, berlari dan memanjat di kawasan selamat," katanya selepas pembukaannya pada 4 Julai.

Beliau berkata taman yang boleh memuatkan sekitar 20 kucing dalam satu-satu masa menyediakan 12 elemen menarik seperti papan mak-

lumat, peta, tempat perlindungan dan makanan kucing.

Beliau menambah kolam air pancuran mini, jambatan gantung dan terowong laluan, rumput helikopter dan kawasan pasir serta 10 alat permainan kucing pelbagai jenis juga disediakan.

Taman berkeluasan 300 meter yang menelan kos RM250,000 itu bakal dirasmikan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin pada Oktober sempena bulan pengisytiharan bandar raya itu.

Peluang keluarga santai di Catopia

SHAH ALAM - Cuti panjang hujung minggu sempena sambutan Maal Hijrah baru-baru ini dimanfaatkan pemilik dan peminat kucing dengan berkunjung ke Taman Rekreasi Kucing Catopia Shah Alam.

Gelagat dan telatah 'si bulus' menarik pengunjung di Dataran Kemerdekaan di sini untuk turut sama beriadah sekali gus memberi manfaat kesihatan mental serta fizikal.

Suri rumah Nazhatulsyima Abd Aziz, 40, membawa kucing kesayangannya 'Oyen' selain mengambil peluang meluangkan masa bersama suami Mohd Zafran Abdul

Aziz, 47, bersama enam anak.

"Hujung minggu ini memang waktu paling sesuai untuk keluar bersama keluarga. Kebetulan pula kami baharu saja tahu mengenai Catopia ini di laman sosial.

"Jadi kami bawa Oyen untuk melepaskan tekanan. Kucing pun ada tekanan. Taman ini memang bagus dan saya harap ia dapat dibina di banyak tempat lain," katanya pada 7 Julai.

Kakitangan swasta Fatin Hanisah Zulkifli, 24, pula berkata kedudukan Catopia yang strategik di tengah pusat bandar

memudahkan orang ramai mengunjungi taman rekreasi itu.

Beliau juga berhasrat membawa kucing kesayangannya, 'Comek' ke taman berkenaan lebih kerap bagi mendedahkan kucing baka 'British Short Hair' itu dengan persekitaran luar.

"Kucing ini saya bela sejak tahun lalu semasa berumur empat bulan tetapi tidak banyak bermain di luar kerana saya bimbang dengan keadaannya yang tidak sama dengan kucing lain.

"Bila ada taman ini, saya mahu bawa Comek ke sini selalu kerana saya mahu dia bermain di luar. Tempat ini juga tidak jauh dari rumah saya di Seksyen 2," katanya.

Lebih 18,000 tiket TSSC terjual

PETALING JAYA - Lebih 92 peratus tiket perlawanan Piala Sultan Selangor (TSSC) melibatkan aksi Selangor dan Singapura terjual dalam tempoh dua minggu sejak 24 Jun.

Pengerusi dan Pengurus TSSC Tan Sri Abd Karim Munisar berkata tiket perlawanan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 17 Ogos itu hanya berbaki 1,500 sahaja.

"Lebih 92 peratus daripada 20,000 tiket habis terjual dan tinggal sedikit sahaja lagi. Penonton diingatkan untuk mendapatkan tiket lebih awal kerana tidak dijual di stadium.

"Tiket boleh dibeli di Restoran Uncle K di pusat beli-belah SACC, Hotel Concorde Shah Alam serta Kuala Lumpur dan pihak berkuasa tempatan yang menyertai jelajah promosi perlawanan ini," katanya pada 9 Julai.

Beliau turut menyarankan penonton untuk menggunakan pengangkutan awam bagi mengelakkan kesesakan.

PBT tanam lebih sejuta pokok

SHAH ALAM - Sebanyak 1.12 juta pokok landskap ditanam di seluruh Selangor sepanjang tahun lalu melalui pelbagai usaha yang dijayakan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri.

EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin berkata Majlis Bandaraya Diraja Klang merekod penanaman tertinggi meliputi 500,000 pokok diikuti Majlis Bandaraya Subang Jaya (305,645 pokok).

"Majlis Perbandaran Kuala Selangor pula mencatat 178,175 tanaman pokok, diikuti Majlis Perbandaran Kuala Langat (152,281 pokok) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (117,041 pokok).

"Semua perbelanjaan bagi inisiatif tanaman pokok landskap melibatkan semua PBT ini membabitkan kos RM26.6 juta," katanya di Dewan Negeri Selangor pada 4 Julai.

Larian santai tema 60-an 27 Julai

SHAH ALAM - Larian santai nostalgia bertema tahun 60-an antara program menarik yang menanti pengunjung Karnival 3S (Santai, Sihat, Sejahtera) di Pekan Sabak.

Menurut Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), karnival pada 27 Julai yang bertujuan meningkatkan ekonomi dan pendapatan penduduk setempat turut menawarkan 100 hadiah cabutan bertuah.

Bagi larian santai nostalgia sejauh lima kilometer, peserta yang berpakaian retro terbaik untuk setiap kategori berpeluang membawa pulang hadiah wang tunai RM800.

Untuk sebarang maklumat lanjut berkaitan larian, hubungi 016-288 6550 (Amir), 017-692 3929 (Ika), 013-292 8733 (Afifa) atau imbas kod QR di poster.

Lebih 500 wanita dirai Puspanita

SHAH ALAM - Seramai 500 wanita dirai dalam Majlis Sambutan Hari Wanita 2024 daerah Petaling di Dewan Banquet Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di sini pada 5 Julai.

Pengerusi Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita) Selangor Datin Setia Padiah Safian berkata program bertema 'Inspirasi Keterangkuman' anjuran kelab wanita IRIS-MBPJ mendapat kerjasama Puspanita Petaling.

"Agenda membangunkan wanita merupakan tanggungjawab bersama semua pihak. Justeru, kita melaksanakan pelbagai inisiatif dalam membantu, memperkasa, mengiktiraf kebolehan dan sumbangan wanita dalam pembangunan negara," katanya.

Serah wakaf tambah baik siar raya

SHAH ALAM - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyerahkan sumbangan tabung wakaf RM25,365 kepada Masjid Jamek Ar-Rahimiah, Klang baru-baru ini untuk menaik taraf sistem siar rayanya.

Menurut kenyataan, sebanyak 33 peratus daripada hasil kutipan Tabung Wakaf Tunai yang diletak di masjid berkenaan diserahkan balik kepada pengurusan rumah ibadah tersebut.

Sumbangan berkenaan diserahkan Pengerusi Bahagian Korporat PWS Muhammad Hafiz Bahari kepada ahli jawatankuasa masjid itu.

Orang ramai diseru menghulur wakaf tunai yang boleh dibuat dalam talian menerusi pautan fpx.wakafselangor.gov.my/ atau faqpay.my/go/wakafselangor

Jais siasat isu kuliah Ustaz Don

SUBANG JAYA - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) masih menyiasat ketepatan fakta kuliah yang disampaikan Ustaz Don Daniyal Don Biyajid di negeri ini, kata EXCO agama Islam.

Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata pihak berkuasa agama negeri berhak meminta penjelasan bertulis daripada penceramah tersebut atau memanggilya jika perlu.

"Isu membabitkan Ustaz Don sedang dalam proses siasatan dan penelitian terperinci pihak Jais. Sama ada beliau dipanggil atau tidak ia adalah siasatan dalam

man Jais... namun proses itu sedang berlangsung. Kita serahkan kepada Jais untuk melakukan siasatan," katanya pada 7 Julai.

Pada 6 Julai, Jais memaklumkan pihaknya belum menerima kenyataan bertulis daripada Ustaz Don Daniyal berhubung fakta kuliah ceramah agama yang perlu diserahkan kepada Jawatankuasa Tauliah Majlis Agama Islam Selangor (Mais).

Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad memaklumkan tindakan mengemukakan kenyataan bertulis itu selaras dengan Peraturan 17 (b), (d) dan (f) Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri

Selangor) 2008 supaya penggantungan atau penarikan semula tauliah tidak dilaksanakan.

Pada 21 Jun, Jais mengarahkan semua agensi dan rumah ibadat menanggungkan atau tidak mengundang Ustaz Don Daniyal untuk mengajar atau apa-apa perkara berkaitan Islam di premis masing-masing.

Keputusan ini susulan isu pengajaran atau ceramah agama Islam disampaikan disyaki melanggar beberapa ketetapan dalam Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008.

Bekas timbalan mufti negeri tokoh Maal Hijrah

Manfaat peluang menuntut ilmu

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Umur bukan penghalang kepada Dato' Dr Abdul Majid Omar untuk terus menuntut ilmu sekali gus membuktikan kecemerlangannya sehingga dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Selangor 1446H.

Abdul Majid, 84, yang baharu menamatkan pengajian doktor falsafah (PhD) di Universiti Selangor pada Februari, sentiasa berpegang kepada prinsip 'tuntutlah ilmu dari ayunan

buai ibu sehingga ke liang lahad'.

Bekas timbalan mufti negeri selama 17 tahun itu berkata golongan muda perlu bersyukur dan memanfaatkan setiap peluang dan kemudahan yang ada untuk terus mengejar ilmu.

"Orang muda kalau tidak menuntut ilmu memang rugi. Sekarang negara kita ada banyak peluang dan kemudahan. Manfaatkan setiap perkara dan jangan sia-siakan.

"Belajar sampai habis dan bukan hanya setakat sijil peperiksaan SPM. Buatlah apa sahaja bidang yang disukai, asalkan terus belajar sehingga habis," katanya.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menyampaikan hadiah wang tunai RM20,000 dan cenderaha-

ti kepada Abdul Majid sempena program Ambang Hijrah dan sambutan Maal Hijrah peringkat negeri pada 6 Julai.

Turut hadir, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam di sini.

Abdul Majid yang juga anak kelahiran Kuala Selangor memulakan kerjayanya sebagai guru pada 1960-an dan pernah dinobatkan Tokoh Guru Kebangsaan pada 2007.

Tokoh yang juga agamawan dan pendakwah tersebut turut gigih membangunkan ummah melalui penulisan buku dan kuliah agama di masjid, surau selain di stesen penyiaran media.

Tumpu bangunkan STEM

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri berazam untuk membangunkan bidang sains, matematik, kejuruteraan dan teknologi (STEM) di setiap peringkat pendidikan hingga ke sektor industri.

EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin memberitahu pelaburan besar yang diterima Kerajaan Selangor membuktikan pengiktirafan terhadap bakat dan kemahiran generasi muda di negeri ini.

"Pentingnya pendidikan dalam STEM tidak boleh dipandang ringan. Dalam era revolusi kecerdasan buatan (AI) yang pesat, permintaan tenaga kerja berkebolehan terhadap STEM kian meningkat.

"STEM memainkan peranan penting sebagai pemangkin ekonomi dan sebagai salah satu negeri termaju di Malay-

sia, Selangor menegaskan STEM antara agenda utama negeri," katanya.

Beliau yang mewakili Dato' Menteri Besar merasmikan pertandingan pentas mini teater STEM Selangor di bangunan pentadbiran negeri di sini pada 3 Julai.

Program anjuran Persatuan STEM Kebangsaan itu disertai 16 sekolah menengah seluruh Selangor yang akan membangunkan produk inovasi dan penghayatan konsep STEM menerusi pentas teater.

Jamaliah juga menjelaskan program sedfemikian memberi peluang kepada masyarakat pelajar untuk membangunkan pelbagai kemahiran secara menyeluruh dalam satu ruang komprehensif.



WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD

TENDER NOTICE

Tenderers are invited from contractors having the following qualifications for the supplies/works/services as specifically described as follows:

TITLE AND TENDER NUMBER	TENDER REQUIREMENTS	TENDER DOCUMENT FEE	DATE AND TIME TO PURCHASE
<p>Tender No.: WT2024-00121</p> <p>PROPOSAL TO SUPPLY 24-HOURS SECURITY GUARDS SERVICES (UNARMED SECURITY GUARD) AT DESIGNATED LOCATIONS UNDER WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD.</p>	<p>i. The companies submitting for the tender must be 100% owned by locals with valid active licenses as described therein and registered with the Companies Commission of Malaysia (SSM), Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) dan Ministry of Home Affairs (MOHA).</p> <p>ii. Tenderer must possess relevant experience in similar or related works/services for the last five (5) years.</p> <p>iii. Tenderer is required to have a minimum Paid Up Capital of RM300,000.00.</p> <p>iv. All tenderers who wish to participate in this tender must register and submit their tender, including but not limited to, price bid and all associated supporting documents, in digital soft copies via the company's online tender portal (e-WOPS).</p> <p>v. All hard copies of tender bid supporting documents are to be submitted to our office in the designated tender drop box located at: TENDER BOX B- LEVEL G Mercu Worldwide, No 7, Persiaran Sukan, Laman Seri Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam.</p>	<p>RM150.00 (Ringgit Malaysia: One Hundred and Fifty Only) via online transfer to the account of: WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD 8001922460 (CIMB BANK) (Payment is non-refundable)</p> <p>Reference 1: WT2024-00121 Reference 2: Name of Company</p> <p>Please submit the tender payment receipt via e-WOPS system</p>	<p>5 JULY 2024 - 16 JULY 2024 Online purchase</p> <p>Please contact us for details Tel: 03-5526 2525 Ext : 5938 (Pn. Suziana) 5934 (En. Shahrol) Email: procurement@whb.com.my</p> <p>Working Hours: Monday - Friday 9.00 a.m - 5.30 p.m</p> <p style="text-align: center;">CLOSING OF TENDER</p> <p>Before or By 12.00 p.m. 19 JULY 2024 (FRIDAY)</p> <p style="text-align: center;">COMPANY REGISTRATION</p> <p>Company registration in e-WOPS system is MANDATORY. Tenderers who have yet to register in e-WOPS as the company's listed vendor, may proceed with the registration process via the hyperlink below: https://vendor.wops.com.my/VendorAccount/Create</p>

1. Tender Documents received later than the closing date and time specified will not be considered.
2. Worldwide Holdings Berhad is not bound to agree and accept the lowest quotation, or any alternative quotation(s) received for this tender.



SEMANGAT... Pemain Harimau Malaya Bawah 19 Tahun (B-19) menjalani latihan pusat menjelang Kejuaraan B-19 Asean 2024 di Stadium UM Arena, Kuala Lumpur pada 8 Julai. Malaysia diundi dalam kumpulan C bersama Brunei, Singapura dan Thailand dalam kejohanan di Surabaya, Indonesia bermula 17 hingga 29 Julai. Foto Persatuan Bolasepak Malaysia

Tumpu SUKMA pada Ogos

RM8 juta rancak bangunkan sukan

Oleh **NORRASYIDAH ARSYAD**

SHAH ALAM - Sejumlah RM8 juta diperuntuk bagi merancakkan sektor sukan tahun ini termasuk menampung kos perediaan negeri berdepan cabaran Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak bulan depan.

EXCO Sukan Najwan Halimi berkata jumlah berkenaan meningkat RM1 juta berbanding RM7 juta sebelum ini bagi melaksana lebih banyak program pembangunan.

"Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntuk RM7 juta tapi tahun ini RM8 juta sebab kita berdepan kejohanan SUKMA. Walaupun berdepan kekangan (kewa-

ngan), kita masih dapat kerjasama agensi, anak syarikat dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang beri sokongan logistik.

"Akan datang, kita kaji semula keperluan sukan termasuk elaun kepada atlet. Mungkin kita minta peningkatan peruntukan pada belanjawan negeri," katanya di Dewan Negeri Selangor pada 4 Julai.

Beliau menjawab pertanyaan Ahli Dewan Negeri Hulu Kelang Dato' Seri Mohamed Azmin Ali mengenai langkah pentadbiran dalam meningkatkan prestasi atlet dan jurulatih negeri ini.

Najwan turut memaklumkan Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor melaksanakan beberapa inisiatif antaranya kem latihan serta program pengukuhan

mental dan psikologi sebagai langkah melahirkan atlet terbaik.

"Bagi meningkatkan prestasi jurulatih, MSN Selangor beri pendedahan dan menyediakan platform pembelajaran berterusan melalui kursus atau bengkel sains sukan, seminar kejurulatihan dan kursus teknikal berdasarkan spesifik sukan.

"MSN Selangor turut membantu jurulatih menjalin kerjasama dengan pasukan luar negara agar dapat menimba ilmu antaranya kerjaya memorandum persefahaman dengan Majlis Sukan Gyeonggi, Korea Selatan dan Komite Olahraga Nasional Indonesia Aceh bagi tujuan peningkatan ilmu kesukanan," katanya.

KL Tigers juara, kekal kemenangan

SHAH ALAM - KL Tigers menjuarai Liga Ragbi MSNS-KRS selepas menewaskan Cobra Black 25-19 dalam perlawanan akhir di Stadium Tentera Udara Diraja Malaysia, di sini pada 7 Julai.

Kedua-dua pasukan berjaya melakukan 'try' dan 'conversion' pada awal permainan diikuti penalti Jake Edward Brookes yang membolehkan KL Tigers mendahului 10-7 pada babak pertama. Skuad kendalian Zane Joseph

Wiremu Gardiner beraksi lebih bertena- ga pada babak kedua menerusi dua 'try' dan 'conversion' diikuti penalti Jason Harry Matthews untuk menumpaskan Cobra Black yang dibimbing Wan Nur Syahmi Wan Daud.

Zane Joseph bersyukur dan bangga dengan persembahan pasukannya yang beraksi cemerlang sepanjang kejohanan mem-

babitkan 12 pasukan bermula 11 Mei.

"Kami memegang rekod tanpa kalah dalam semua perlawanan, ianya sebuah pencapaian yang sangat menakjubkan.

"Semangat berpasukan dan mentaliti pemain yang bermain untuk lencana di dada menjadi resipi kejayaan pasukan bergelar juara," katanya.

Tempat ketiga milik UiTM Lions yang menewaskan RMAF Blackhawk 27-25. Acara penyampaian hadiah disempurnakan Presiden Kesatuan Ragbi Selangor Lim Yi Wei.

Latihan penalti beri kelebihan

SHAH ALAM - Latihan penalti dan ketenangan Safuwan Baharudin menyempurnakan sepekan pertama antara faktor Selangor FC ke separuh akhir Piala FA menewaskan Kuching City FC.

Ketua jurulatih Nidzam Jamil berkata contoh terbaik dipamer ketua pasukannya itu membantu meredakan tekanan pemain muda di atas padang dan melakar kemenangan 5-3.

"Saya minta Safuwan pimpin dan yang lain itu mereka tentukan sendiri. Kami ada satu senarai nama yang nak ambil (penalti)... senarai itu kami koyak dan buang ke tepi apabila Safuwan nak pimpin penentuan penalti," katanya seperti dilapor Berita Harian pada 6 Julai.

Selangor FC akan bertemu Terengganu FC di separuh akhir manakala Kedah Darul Aman FC bertemu Johor Darul Ta'zim.

Kaji semula kadar elaun atlet

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor sedang mengkaji kadar pembayaran elaun atlet bagi menangani kes ahli sukan berpindah atau bermain dengan pasukan lain.

EXCO Sukan Mohd Najwan Halimi berkata pihaknya mengesan trend atlet dipancing negeri lain membabitkan sukan kategori individu dan berkumpulan seperti tenis, memanah dan bola sepak.

"Antara negeri yang berbelanja besar dan memperuntukkan belanjawan besar untuk atlet sukan ialah Sarawak, Sabah, Terengganu dan Johor. Namun, buat masa ini, pembayaran elaun atlet di Selangor masih munasabah.

"Bagaimanapun, untuk jangka panjang kita sedang menilai dan menyemak semula pembayaran kadar elaun atlet bagi memastikan mereka kekal bersama Selangor," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 5 Julai.

Pemain muda sertai kelab Jepun

SHAH ALAM - Pemain muda Selangor FC, Muhammad Abu Khalil akan menyertai kelab Jepun, FC Osaka yang beraksi di Liga J3 mulai bulan ini.

Selangor FC memaklumkan tawaran tersebut selepas pemain berusia 19 tahun itu tamat menjalani sesi percubaan pada 24 Jun sehingga 2 Julai.

"Selangor FC bangga dengan dedikasi dan pencapaian Muhammad sehingga menerima tawaran untuk bermain dengan FC Osaka secara pinjaman. Kami mengucapkan semoga Muhammad berjaya dalam Liga J3. Terus Mad!"

Muhammad yang bersyukur diberi kepercayaan oleh FC Osaka turut berterima kasih kepada Selangor FC kerana membenarkan beliau beraksi di luar negara.



IR IZHAM HASHIM Pandan Indah

lawat warga emas sempena program ziarah kasih di Taman Kencana, Ampang Jaya



V PAPPARAI DU Banting

agih bakul makanan kepada penduduk di DUN beliau



DATUK RIZAM ISMAIL Sungai Air Tawar

menyerahkan surat lantikan ketua kampung DUN beliau di Shah Alam



CHUA WEI KIAT Rawang

menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan memancing di DUN beliau



SYED AHMAD ALHADAD Lembah Jaya

beri alatan sukan kepada wakil persatuan di Kampung Sri Taman Baru, Ampang Jaya



WONG SIEW KI Seri Kembangan

menghadiri Majlis Penutup Gawai Dayak dan Tadau Kaamatan di DUN beliau



PUA PEI LING Bukit Lanjan

menyertai aktiviti senaman anjuran Wanita Berdaya Selangor di Petaling Jaya



S PREAKAS Kota Kemuning

beri sumbangan kepada wakil persatuan penduduk di Bukit Rimau, Shah Alam

2,000 anggota jaga keselamatan stadium

PETALING JAYA - Aspek keselamatan menjadi keutamaan sepanjang perlawanan Piala Sultan Selangor (TSSC) di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 17 Ogos, kata pengerusi dan pengu-rusnya.

Tan Sri Abd Karim Munisar berkata seramai 2,000 anggota keselamatan termasuk polis ditugaskan bagi mengelak sebarang perkara tidak diingini.

"Polis Selangor dan Kuala Lumpur akan menambah kekuatan pasukan keselamatan... jangka 2,000 anggota akan bersiap sedia.

"Dalam keadaan sekarang ini, isu keselamatan menjadi keutamaan, kita tidak akan kompromi," katanya dalam siri jelajah promosi dan penyerahan tiket TSSC di Majlis Bandaraya Petaling Jaya di sini pada 9 Julai.

Beliau juga memaklumkan kerja

naik taraf Stadium Merdeka untuk kejohanan berkenaan selesai sepenuhnya penghujung bulan ini.

"Kita memantau kerja pembaikan stadium dan melihat pada perkembangan terkini semuanya akan selesai hujung Julai ini.

"Buat masa ini, proses mengecat sedang dijalankan dan padang dalam keadaan baik serta dipantau sepenuhnya," ujarnya.

Sumbang 25.9 peratus KDNK

Pentadbiran negeri di landasan tepat

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang meningkat kepada 25.9 peratus pada tahun lalu membuktikan pentadbiran Kerajaan Selangor berada di landasan tepat.

EXCO infrastruktur berkata pentadbiran Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berhasil memberi kesan positif kepada sektor ekonomi walau berdepan cabaran pascapandemik dan global.

Ir Izham Hashim menyifatkan sumbangan itu juga tertinggi berbanding negeri lain, malah pertumbuhan ekonomi men-

ingkat walau tidak seperti sebelum ini tetapi melebihi kadar nasional.

"Ini menunjukkan kita terus jadi pemeraju pembangunan ekonomi negara," katanya pada 4 Julai.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Sentosa Dr G Gunaraj berkata Selangor berupaya terus memacu dan merencanakan ekonomi jika mendapat sokongan semua pihak termasuk pembangkang.

"Berikan sokongan kepada pentadbiran. Ini untuk pastikan segala kita rancang tercapai dan negeri akan lebih maju. Ini juga untuk kesejahteraan seluruh rakyat," katanya.

Wakil rakyat pembangkang mewakili Dewan Undangan Negeri Permatang

Nurul Syazwani Noh pula berharap hasil ekonomi diagih kepada penduduk berpendapatan rendah terutama di luar bandar.

"Memandangkan Selangor menyumbang KDNK yang tinggi, bolehlah kembalikan hasilnya kepada rakyat untuk membantu penduduk pendalaman dan berpendapatan rendah," katanya.

Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 3 Julai menunjukkan KDNK negeri meningkat lebih baik daripada 25.5 peratus tahun sebelumnya.

Pertumbuhan ekonomi juga meningkat 5.4 peratus, melebihi pertumbuhan sederhana seluruh negara pada kadar 3.6 peratus pada tahun lalu.

Kemudahan baik tarik ramai pelabur

SHAH ALAM - Laluan ke pintu masuk utama negara perlu berada dalam keadaan baik bagi menarik pelabur dan merencanakan sektor ekonomi, kata wakil rakyat Pelabuhan Klang Azmizam Zaman Huri.

Katanya, kerjasama dengan kerajaan persekutuan penting kerana Selangor ada tiga pintu masuk iaitu Pelabuhan Klang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Lap-

angan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah.

"Memandangkan ketiga-tiganya milik kerajaan persekutuan, penting untuk Selangor bekerjasama demi memastikan jalan sekitar pintu masuk utama selesai, selamat dan berkualiti.

"Kerja pembaikan dan penyelenggaraan perlu dibuat segera tanpa menunggu aduan pengguna selain memastikan lampu berfungsi, sis-

tem lalu lintas yang jelas untuk keselamatan," katanya lagi.

Berbahas dalam Dewan Negeri Selangor pada 4 Jun, beliau berkata faktor kebersihan dan keceriaan laluan juga perlu diambil kira bagi mewujudkan persekitaran yang segar lagi indah.

"Pelabuhan Klang mengusulkan negeri dan persekutuan memastikan pembinaan landskap menarik dan lestari di laluan tiga jalan ini bagi menaikkan imej Selangor sebagai negeri maju," katanya.

Manfaat aktiviti ekopelancongan KKB

SHAH ALAM - Potensi pelancongan Hulu Selangor khususnya Kuala Kubu Bharu yang kaya dengan aktiviti ekopelancongan perlu dimanfaatkan bagi menarik pelancong ke negeri ini.

Wakil rakyat Kuala Kubu Bharu berkata seramai 336,894 pengunjung ke daerah berkenaan tahun lalu, meningkat 52 peratus berbanding 220,968 pada 2022.

Pang Sock Tao berkata data pen-

gusaha aktiviti sukan lasak dan pengusaha inap dusun itu membuktikan sektor pelancongan kawasan berkenaan semakin berkembang.

"Saya mencadangkan Kerajaan Selangor memasukan Hulu Selangor khususnya Kuala Kubu Bharu dalam Pelan Induk Pelancongan Negeri Dalam Ran-

cangan Selangor Pertama (RS-1)," katanya ketika membahaskan pelan pembangunan lima tahun negeri pada 9 Julai.

Beliau berkata kerja penyelenggaraan dan naik taraf kemudahan awam di sekitar destinasi pelancongan seperti tandas awam perlu dipercepatkan.

RM130,000 naik taraf sekolah

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri Bandar Baru Klang menghulur sumbangan RM130,000 bagi menayakan kerja menaik taraf prasarana meliputi 13 sekolah.

Wakil rakyatnya Dr Quah Perng Fei memberitahu setiap institusi menerima RM10,000 untuk menyediakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran lebih selesa kepada guru serta pelajar.

"Penambahbaikan kemudahan sekolah sangat penting untuk memastikan operasi harian sekolah berjalan lancar dan kualiti pengajaran serta pembelajaran tidak terjejas.

"Ia juga dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif kepada pelajar dan guru," katanya di Facebook baru-baru ini.

Didik Orang Asli teknologi AI

SHAH ALAM - Seramai 30 kanak-kanak dari kalangan Orang Asli menyertai program robotik anjuran pejabat penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Jaras.

Setiasaha politik penyelaras Mohamad Mohd Isa menjelaskan Jelajah Robotik Ringang memberi pendedahan kepada golongan berkenaan terhadap teknologi kecerdasan buatan (AI).

"Kita anjurkan program ini bersama 30 anak-anak daripada perkampungan Orang Asli supaya mereka mengenali teknologi AI yang semakin berkembang dalam industri kreatif.

"Rata-rata teruja dengan program tersebut. Kita bercadang untuk teruskan program ke peringkat lebih tinggi," katanya dalam program saringan kesihatan di Bandar Baru Sungai Buloh di sini pada 6 Julai.

Kompleks sukan manfaatkan rakyat

SHAH ALAM - Pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) yang terkandung dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) menyerlahkan lagi industri sukan dengan imej lebih segar.

Wakil rakyat Seri Serdang Abbas Azmi berkata kompleks yang dijangka siap sepenuhnya menjelang 2029 juga bakal meningkatkan kualiti kehidupan dan menyatukan rakyat melalui sukan.

"RS-1 membawa imej baharu kepada Selangor. Apabila siap kelak, Seri Serdang percaya stadium akan memberi manfaat kepada masyarakat dan pada masa yang sama imej Selangor sebagai negeri yang aktif dengan sukan akan lebih terserlah.

"Pastinya rakyat Selangor akan berbangga dengan stadium baharu nanti. Sukan adalah medium penyatuan dan juga medium terbaik meningkatkan kualiti kehidupan rakyat" katanya membahaskan Kajian Separuh Penggal RS-1 di Dewan Negeri Selangor pada 9 Julai.



Pesta Ban Canal jadi acara tahunan

SHAH ALAM - Karnival Ban Canal (KBC) Sabak Bernam dicadang menjadi acara tahunan dan dimasukkan dalam kalendar Tahun Melawat Selangor 2025.

EXCO Kemajuan Desa Datuk Rizam Ismail berkata karnival yang menarik 13,889 pengunjung tahun lalu diteruskan pada 15 hingga 17 November tahun ini.

"Ekopelancongan Ban Canal akan mengekalkan identiti asal dan tidak memberi gangguan radikal kepada kelestarian dan ekosistem alam semula jadi," katanya ketika pengumuman Kajian Separuh Penggal RS-1 di Dewan Negeri Selangor pada 9 Julai.

Beliau berkata ekopelancongan ban canal antara 18 Projek, Program dan Inisiatif (PPI) yang didaftar bawah Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA).

Cungkil bakat baharu ragbi negeri

SHAH ALAM - Penganjuran Liga Ragbi MSNS-KRS bertujuan mencungkil bakat baharu yang berpotensi diserapkan ke dalam pasukan Selangor bagi menghadapi kejohanan tempatan.

Presiden Kesatuan Ragbi Selangor (KRS) berkata liga itu turut memberi ruang kepada pemain beraksi secara kompetitif sebelum menghadapi kejohanan lebih besar seperti Piala Agong dan Kejuaraan Ragbi Tujuh Sebelah Kebangsaan.

"Selepas ini satu sesi khas akan diadakan untuk memilih 70 pemain mewakili pasukan Selangor di peringkat awal saringan.

"Kemudian, ketua jurulatih ragbi Selangor Raimi Mohd Yusof akan menyenarai pendek 40 pemain mewakili Selangor di kejohanan Piala Agong 2024 yang dijadualkan pada 7 September hingga 27 Oktober depan," kata Lim Yi Wei pada 7 Julai.

Risiko senaman waktu malam

SHAH ALAM - Senaman berat pada waktu malam boleh mengganggu kualiti tidur berikutan tekanan darah dan kadar denyutan jantung meningkat, kata penasihat kesihatan awam negeri.

Keadaan itu mengakibatkan hormon stres bertambah selain risiko serangan jantung lantaran tekanan berlebihan kepada sistem kardiovaskular, kata Dr Mohammad Farhan Rusli, lapor Sinar Harian.

Mengakui kepentingan senaman, beliau menasihati semua individu supaya mengetahui isyarat tubuh sendiri dan berunding dengan doktor sebelum memulakan sebarang kegiatan intensif.



SANTAI...
Pengunjung membawa kucing peliharaan bermain di Taman Rekreasi Kucing Catopia di Dataran Kemerdekaan Shah Alam pada 7 Julai. Taman itu dibuka percuma dari jam 10 pagi hingga 7 malam sehingga 31 Disember.

Foto REMY ARIFIN

► BERITA MUKA 19

Seru sokong Palestin

Ribuan berhujan sambut Maal Hijrah

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Meski hujan lebat, ribuan umat Islam berhimpun dalam program Malam Ehsan Untuk Insan di Dataran Karnival, pekarangan Stadium Shah Alam di sini pada 8 Julai.

Rata-rata pengunjung tidak berganjak mengikuti ceramah pendakwah terkenal Indonesia Ustaz Abdul Somad Batubara sempena sambutan Maal Hijrah 2024/1446.

Program anjuran Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia yang turut dihadiri Dato' Menteri Besar Dato' Seri

Amirudin Shari dimulakan persembahan kumpulan Rabbani, selawat dan qasidah.

Dalam ceramah, Ustaz Abdul Somad menyeru umat Islam supaya terus memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Palestin dalam menuntut kebebasan tanah air yang diserang Israel.

Beliau mengingatkan iman seseorang mukmin itu boleh terbatal jika mengambil sikap tidak peduli terhadap penderitaan yang dialami umat Islam di sana.

"Kita bangsa Melayu, mereka bangsa Arab. Kita orang Malaysia, mereka orang Palestin. Itu bukan urusan kita, itu urusan negara mereka. Maka batallah

iman mereka.

"Cinta kita kepada Rasulullah tetapi kita sia-siakan kiblat tempat kita menghadap Allah. Kita akan dipertanggungjawab dan ditanya apa yang kita buat," katanya.

Pengunjung dari Klang Zaki Zaharuddin, 29, sanggup datang seawal jam 5 petang bagi memastikan beliau tidak bersesak dan mendapat tempat duduk selesa berhampiran pentas utama.

Menurut kakitangan swasta itu, Ustaz Abdul Somad antara pendakwah yang dikagumi dan kehadirannya ke negeri ini untuk menyampaikan ilmu ditunggu orang ramai termasuk beliau.

Bawa hukuman MFL ke mahkamah

SHAH ALAM - Selangor FC dalam proses membawa kes hukuman Liga Bola-sepak Malaysia (MFL) ke peringkat mahkamah timbang tara sukan, kata EXCO sukan.

Menurut Najwan Halimi, Red Giants melantik peguam untuk membuat rayuan dan membawa kes berkenaan ke peringkat lebih tinggi.

"Ini kerana sesuatu (hukuman) MFL sebelum ini lebih keras tetapi apabila (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafud-

din Idris Shah Alhaj bertitah baru ada pertimbangan.

"Tetapi Selangor FC masih lagi teruskan rayuan dan bawa ke peringkat lebih tinggi," katanya ketika menggulung usul tergempar mengecam perbuatan ekstrem bersifat keganasan ke atas atlet di Dewan Negeri Selangor pada 5 Julai.

Najwan berkata insiden simbah asid yang menimpa pemain sayap Harimau Malaysia Faisal Halim tidak seharusnya berlaku

dalam bola sepak.

Wakil rakyat blok kerajaan dan pembangkang mengecam sekeras-kerasnya insiden Faisal pada awal Mei lalu selain mendesak siasatan dijalankan secara menyeluruh.

Kesemua Ahli Dewan Negeri (ADN) menyokong usul tergempar yang di bawa ADN Seri Serdang Abbas Azmi bawah Peraturan Tetap 17(1) dan diluluskan Speaker Lau Weng San selepas dibahas lima wakil rakyat.